

BAB EMPAT:

ANALISIS KES TUNTUTAN SABITAN *NUSYŪZ* DI MAHKAMAH SYARIAH WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

4.1 Pengenalan

Pensabitan isteri sebagai *nusyūz* hendaklah dimulakan dengan tindakan suami memfailkan kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* di mahkamah syariah tempat suami tersebut bermastautin. Setiap kes yang difailkan akan melalui prosiding tertentu dari awal pendaftaran sehinggalah diputuskan oleh Mahkamah. Namun demikian, prosiding bagi kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* lebih berdasarkan amalan di mahkamah-mahkamah syariah di negeri-negeri kerana tiada prosiding khusus yang dikanunkan bagi perkara ini.

Analisis Bab ini adalah berdasarkan kajian ke atas fail kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz*. Hasil data soal selidik tersebut dapat memberikan maklumat lanjut dan terperinci berkenaan latar belakang kes termasuklah prosiding bagi pensabitan isteri sebagai *nusyūz* yang dilalui sepanjang kes tersebut.

Kajian ini melibatkan kes yang didaftarkan sepanjang tempoh enam tahun, iaitu dari tahun 2004 hingga 2009 di Mahkamah Rendah Syariah Wilayah Persekutuan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur¹. Sebanyak 58 kes telah didaftarkan sepanjang tempoh tersebut dan kajian telah dijalankan ke atas 45 fail kes yang telah selesai.

Justeru, melalui dapatan analisis fail kes ini dapat mengetahui dengan lebih jelas berkenaan proses perjalanan sesuatu kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* khasnya di MRSWP.

¹ Selepas ini disebut sebagai MRSWP.

4.2 Latar Belakang Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Perundangannya.

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ditubuhkan setelah satu perjanjian penubuhan dibuat antara Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri Selangor pada 1hb Februari 1974 melalui Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1973.² Melalui pindaan ini, kerajaan pusat telah mengadakan perjanjian dengan kerajaan negeri Selangor untuk mengambil alih daerah Kuala Lumpur untuk dijadikan Wilayah Persekutuan. Keluasan kawasan yang terlibat adalah seluas 94 batu persegi. Sehubungan itu, daerah Kuala Lumpur dipisahkan daripada negeri Selangor.

Sejak pengisytiharan Kuala Lumpur sebagai sebuah Wilayah Persekutuan pada 1hb. Fenruari, 1974, semua bidangkuasa terhadapnya diletakhak (*vested*) kepada kerajaan Persekutuan. Justeru, bagi memenuhi keperluan tersebut, Kuala Lumpur mempunyai pentadbiran sendiri dan mempunyai kuasa terhadap semua percukaian dan kerajaan tempatan.

Sejajar dengan pentadbiran lain yang telah dipisahkan, pentadbiran hukum syarak bagi daerah Kuala Lumpur yang menggunakan Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Selangor 1952 turut diubahsuai menurut Perintah Wilayah Persekutuan 1974 dan terpisah daripada hal ehwal negeri Selangor. Bertitik tolak bagi tujuan tersebut, Majlis Agama Islam yang berasingan telah ditubuhkan dan ketua agama Islam bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah Yang Di-Pertuan Agong.³

4.2.1 Penubuhan Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan

Sehubungan dengan penubuhan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan⁴ telah ditubuhkan dan dilantik berdasarkan

² Akta Perlembagaan, Seksyen 6(4).

³ Perkara 3(5).

⁴ Selepas ini disebut sebagai MSWP.

kehendak peruntukan di bawah Seksyen 44(1)(2) dan Seksyen 46(2) Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Seiangor 1952 sebagaimana yang telah diubahsuai oleh Perintah Wilayah Persekutuan. Pada ketika itu, mahkamah syariah dinamakan mengikut heirarkinya, iaitu Mahkamah Kadi, Mahkamah Kadi Besar dan Jawatankuasa Ulangbicara.

Secara ringkasnya, penubuhan mahkamah syariah di Wilayah Persekutuan ini mempunyai sedikit perbezaan dengan penubuhan mahkamah syariah di negeri-negeri lain kerana MSWP ditubuhkan di bawah Akta Parlimen iaitu Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993. Menurut Seksyen 40(1)(2)(3) Akta tersebut yang telah memperuntukkan kuasa kepada Yang Di-Pertuan Agong atas nasihat Menteri boleh menubuhkan Mahkamah Rendah Syariah Wilayah Persekutuan, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah bagi Wilayah Persekutuan di mana-mana tempat yang dirasakan sesuai. Seterusnya penubuhan tersebut perlu dimaklumkan dan digazetkan.⁵

Semenjak ditubuhkan, MSWP telah diletakkan di bawah pentadbiran Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan⁶ dan mulai bulan Januari 1992, MSWP telah dipisahkan daripada JAWI dan dijadikan sebagai satu bahagian di bawah Jabatan Perdana Menteri. Pada 15 Oktober 1993, Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 telah dikuatkuasakan. Ekoran itu, heirarki Mahkamah telah bertukar daripada Mahkamah Kadi kepada Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Kadi Besar kepada Mahkamah Tinggi Syariah dan Jawatankuasa Ulangbicara kepada Mahkamah Rayuan Syariah. Perubahan tersebut berdasarkan

⁵ Seksyen 40 APUI 1993, berbandingdengan Enakmen negeri-negeri lain, penubuhan MS adalah tertakluk kepada Perlembagaan Persekutuan berkaitan bkuasa kerajaan negeri dalam pentadbiran hukum syarak seperti dalam Jadual Kesembilan, Senarai II, Senarai Negeri.

⁶ Selepas ini disebut sebagai JAWI.

peruntukan Seksyen 40(1)(2) dan (3) Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993.

Bangunan MSWP yang pertama ditempatkan di Dewan Tunku Abdul Rahman, Jalan Ampang, Kuala Lumpur, kemudian berpindah ke Bangunan JKR, Jalan Tun Abdul Razak dan pada tahun 1983 berpindah ke Bangunan Baitulmal, Tingkat 4 dan 5, Jalan Ipoh, Kuala Lumpur. Pada bulan September, 1990, MSWP Kuala Lumpur ditempatkan di Bangunan Sulaiman, Jalan Damansara Kuala Lumpur sehingga sekarang. MSWP ketika ini dalam proses membina Kompleks Mahkamah sendiri di Jalan Duta yang dijangka bakal beroperasi pada pertengahan tahun 2011.

4.2.2 Sorotan Ringkas Penggubalan Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984

Kuala Lumpur merupakan antara daerah di bawah pemerintahan kerajaan negeri Selangor sebelum diisytiharkan sebagai sebuah Wilayah Persekutuan pada tahun 1972. Segala peraturan dan undang-undang berkaitan kekeluargaan hendaklah dirujuk kepada Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Selangor 1952.⁷

Selepas pengisytiharan tersebut, Enakmen ini telah diubahsuai kepada Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Selangor 1952.⁸ Pada tahun 1984, Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984⁹ telah diluluskan bagi mengembangkan peruntukan yang ada sejajar dengan permasalahan masyarakat Islam dan pemakaiannya di Wilayah Persekutuan.

Akta ini memperuntukkan secara terperinci hal ehwal kekeluargaan bermula dari perkahwinan, pembubaran perkahwinan, nafkah isteri dan anak, hadhanah serta penalti

⁷ Undang-undang No. 3, Tahun 1952.

⁸ Yang diubahsuai mengikut Perintah Wilayah Persekutuan (Penggubalsuaian Enakmen pentadbiran Hukum Syarak) 1974.

⁹ Akta ini berkuatkuasa pada 29 April, 1987 (P.U. (B) 236). Selepas ini disebut sebagai AUKI 1984.

bagi kesalahan yang berlawanan dengan kehendak Akta ini. Akta tersebut juga bersifat khusus berbanding dengan peruntukan sebelumnya yang lebih umum merangkumi undang-undang keluarga, warisan, kesalahan matrimoni dan kesalahan takzir.

4.2.3 Bidangkuasa Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan

MSWP terdiri daripada Kuala Lumpur sebagai ibu pejabat dan dua cawangannya di Putrajaya dan Labuan. Kajian ini hanya memfokuskan MSWP Kuala Lumpur dan bidangkuasa MSWP Kuala Lumpur adalah terbatas di sekitar Kuala Lumpur sahaja, iaitu hanya boleh mengendalikan kes-kes bagi individu sebagai Pemohon yang bermastautin atau berdomisil di sekitar Kuala Lumpur sahaja. Penentuan tersebut dibuat berdasarkan kad pengenalan atau surat perakuan imam kariah bagi individu yang menetap di Kuala Lumpur tetapi mempunyai alamat yang di luar Kuala Lumpur di dalam kad pengenalan.

Kawasan yang termasuk di dalam bidangkuasa MSWP Kuala Lumpur adalah mengikut zon persempadanan parlimen, iaitu Kepong, Batu, Wangsa Maju, Segambut, Setiawangsa, Bukit B.tang, Lembah Pantai, Seputeh, Titiwangsa, Cheras dan Bandar Tun Razak.

Bidangkuasa MRSWP diperuntukkan oleh Seksyen 47 Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993, iaitu seperti berikut :

Seksyen 47. Bidang kuasa Mahkamah Rendah Syariah.

(1) Sesuatu Mahkamah Rendah Syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa di seluruh Wilayah-Wilayah Persekutuan dan hendaklah diketuai oleh seorang Hakim Mahkamah Rendah Syariah.

(2) Mahkamah Rendah Syariah hendaklah--

(a) dalam bidang kuasa jenayahnya, membicarakan apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh seseorang Islam di bawah Enakmen atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang menetapkan kesalahan-kesalahan terhadap rukun-rukun agama Islam yang baginya hukuman maksimum yang diperuntukkan oleh Enakmen atau mana-mana undang-undang bertulis itu tidak melebihi dua ribu ringgit, atau pemenjaraan selama tempoh satu tahun atau kedua-

duanya, dan boleh mengenakan mana-mana hukuman yang diperuntukkan baginya;

(b) dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding yang Mahkamah Tinggi Syariah diberikuasa untuk mendengar dan memutuskannya, yang amaun atau nilai hal perkara yang dipertikaikan itu tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau tidak dapat dianggarkan dengan wang.

(3) Yang di-Pertuan Agong boleh dari semasa ke semasa melalui pemberitahuan dalam Warta memperluaskan bidang kuasa mal Mahkamah Rendah Syariah.

Sementara itu, bidangkuasa bagi Mahkamah Tinggi Syariah pula adalah seperti yang diperuntukkan melalui Seksyen 46 Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 iaitu seperti berikut :-

Seksyen 46. Bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah.

(1) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa di seluruh Wilayah-Wilayah Persekutuan dan hendaklah diketuai oleh seorang Hakim Syarie.

(2) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah--

(a) dalam bidang kuasa jenayahnya, membicarakan apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh seseorang Islam dan boleh dihukum di bawah Enakmen atau Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303], atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain yang menetapkan kesalahan-kesalahan terhadap rukun-rukun agama Islam yang sedang berkuatkuasa, dan boleh mengenakan apa-apa hukuman yang diperuntukkan baginya;

(b) dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding dalam mana semua pihak adalah orang Islam dan yang berhubungan dengan—

(i) pertunangan, perkahwinan, ruju', perceraian, pembubaran perkahwinan (fasakh), nusyuz, atau pemisahan kehakiman (faraq) atau apa-apa perkara yang berkaitan dengan perhubungan di antara suami isteri;

- (ii) apa-apa pelupusan atau tuntutan harta yang berbangkit daripada mana-mana perkara yang dinyatakan dalam subperenggan (i);*
- (iii) nafkah orang-orang tanggungan, kesahatarafan, atau penjagaan atau jagaan (hadhanah) budak-budak;*
- (iv) pembahagian atau tuntutan harta sepencarian;*
- (v) wasiat atau alang semasa marad-al-maut seseorang si mati Islam;*
- (vi) alang semasa hidup, atau penyelesaian yang dibuat tanpa balasan yang memadai dengan wang atau nilai wang, oleh seseorang Islam;*
- (iv) pembahagian atau tuntutan harta sepencarian;*
- (v) wasiat atau alang semasa marad-al-maut seseorang si mati Islam;*
- (vi) alang semasa hidup, atau penyelesaian yang dibuat tanpa balasan yang memadai dengan wang atau nilai wang, oleh seseorang Islam;*
- (vii) wakaf atau nazr;*
- (viii) pembahagian dan pewarisan harta berwasiat atau tak berwasiat;*
- (ix) penentuan orang-orang yang berhak kepada bahagian harta pusaka seseorang si mati Islam atau bahagian-bahagian yang kepadanya orang-orang itu masing-masing berhak; atau;*
- (x) perkara-perkara lain yang berkenaan dengannya bidang kuasa diberikan oleh mana-mana undang-undang bertulis.*

4.2.4 Struktur Organisasi Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan

Struktur MSWP terbahagi kepada tiga iaitu MSWP Kuala Lumpur, MSWP cawangan Labuan dan MSWP cawangan Putrajaya. MSWP diketuai oleh Ketua Hakim Syarie yang dilantik oleh Yang Di-Pertuan Agong. Fokus bagi MSWP Kuala Lumpur, organisasinya terbahagi kepada Bahagian Kehakiman Syariah dan Bahagian Pengurusan dan Pendaftaran Kehakiman.

Bahagian Kehakiman Syariah terdiri daripada Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah Syariah. Pegawai bagi Mahkamah Tinggi Syariah adalah termasuklah Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Pegawai Penyelidik dan Pembantu

Tadbir (kes) Mahkamah Tinggi manakala Mahkamah Rendah Syariah terdiri daripada Hakim-Hakimnya.

Bahagian Pengurusan dan Pendaftaran Kehakiman pula diketuai oleh Ketua Pendaftar dan terdapat tiga Seksyen di bawahnya, iaitu Seksyen Sulh, Seksyen Pengurusan kes dan Seksyen Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia. Pecahan bagi Seksyen Pengurusan Kes ialah Unit Pendaftaran dan Unit Pengurusan Kehakiman. Unit Pendaftaran adalah melibatkan kes jenayah, mal, faraid dan rayuan manakala Unit Pengurusan Kehakiman pula terdiri daripada pembantu hakim di dewan-dewan mahkamah sama ada di Mahkamah Tinggi Syariah mahupun di Mahkamah Rendah Syariah.

Jumlah pegawai di MSWP Kuala Lumpur adalah seramai 139 orang¹⁰, iaitu dua orang Hakim Mahkamah Tinggi¹¹ dan dibantu oleh tiga orang Pegawai Penyelidik. Sementara itu, Mahkamah Rendah Syariah pula mempunyai enam orang hakim. Setiap dewan perbicaraan terdiri daripada dua orang pembantu Hakim dan seorang Setiausaha Pejabat.

Antara profil MSWP adalah objektif, misi dan visi. Objektif MSWP adalah *“Melaksanakan Sistem Keadilan Islam Yang Adil dan Cepak Berlandaskan Hukum Syara' dan Undang-Undang Negara yang digubal”*. Visi MSWP pula adalah bagi menjadikan Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan sebuah agensi yang berwibawa dalam melaksanakan perundangan Islam demi menegakkan keadilan. Misi MSWP adalah mendengar kes mal, jenayah dan faraid dalam bidanguasa dengan cara berkesan dan sistematik.

Aktiviti utama MSWP ialah mendengar, membicarakan dan memutuskan kes-kes yang telah didaftarkan, iaitu :-

¹⁰ Sehingga 5hb. November, 2010.

¹¹ Satu kekosongan yang belum diisi.

i. Kes Jenayah

Kes jenayah bermula apabila ada permohonan daripada Ketua Pendakwa Syarie mengikut peruntukan Seksyen 183 Akta Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997. Kesalahan yang boleh didakwa di MSWP adalah seperti yang diperuntukkan dalam Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 dan Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984.

Kesalahan-kesalahan di bawah Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah-wilayah Persekutuan 1984 adalah melibatkan kesalahan jenayah syariah matrimoni seperti poligami tanpa izin mahkamah dan perceraian dilakukan di luar mahkamah. Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan 1997) telah membentuk beberapa kategori jenayah yang tertentu, iaitu kesalahan berkaitan akidah; kesucian agama Islam dan institusinya; kesusilaan; dan kesalahan pelbagai.

Semua kesalahan dan hukuman yang disebutkan ini adalah termasuk di dalam konsep takzir yang ditentukan oleh Islam dalam konteks kes-kes jenayah. Orang yang dituduh hendaklah hadir untuk menjawab pertuduhan yang dikemukakan oleh Pendakwa Syarie ke atasnya sama ada secara bersendirian atau diwakili oleh peguam syarie. Bidang kuasa jenayah Mahkamah Syariah telahpun ditentukan oleh Akta Mahkamah Syariah Bidang kuasa Jenayah 1965 (Pindaan 1984) yang memperuntukkan bahawa Mahkamah Syariah boleh menjatuhkan hukuman maksimum RM 5000.00 denda, ataupun penjara maksimum 3 tahun ataupun sebatan 6 kali ataupun gabungan antara hukuman-hukuman berkenaan.

ii. Kes Mal

Kes mal bermula apabila ada permohonan daripada mana-mana pihak sama ada melalui Saman beserta Pernyataan Tuntutan atau Permohonan beserta Affidavit.

Permohonan dibuat di bawah Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984.

Pihak-pihak boleh hadir ke mahkamah untuk memulakan tuntutan dan menjawab tuntutan sama ada secara bersendirian atau diwakili peguam syarie yang diluluskan untuk berguam di Wilayah Persekutuan. MSWP mempunyai bidang kuasa mal yang menyeluruh dan merangkumi banyak aspek kekeluargaan Islam dan termasuklah :

- (i) Berkaitan dengan isu-isu sebelum perkahwinan.
- (ii) Berkaitan dengan persoalan semasa perkahwinan.
- (iii) Berkaitan dengan persoalan pembubaran perkahwinan.
- (iv) Isu-isu yang berbangkit selepas perceraian.
- (v) Permohonan-permohonan mengenai wasiat, wakaf dan harta pusaka.
- (vi) Permohonan penguatkuasaan perintah mahkamah.

Mahkamah berkuasa membuat keputusan sama ada membenarkan permohonan, menolak permohonan dan memberikan apa-apa perintah yang wajar oleh mahkamah.

iii. Kes Faraid

Kes faraid bermula apabila permohonan dibuat oleh mana-mana waris si mati. Permohonan boleh diterima berdasarkan kepada tempat tinggal di Wilayah Persekutuan atau harta yang terlibat berada di Wilayah Persekutuan. Dalam membuat penentuan kadar faraid, Mahkamah akan membuat penyiasatan berdasarkan maklumat yang diterima daripada Pemohon. Penentuan bahagian faraid dibuat oleh Hakim Mahkamah Rendah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi harta yang bernilai kurang dari RM 50,000 manakala bagi harta yang bernilai lebih RM 50,000 akan didengar dan diputuskan pembahagiannya oleh Hakim Mahkamah Tinggi Syariah. Keputusan faraid akan dikeluarkan dalam bentuk Perintah/Penghakiman yang menyatakan ahli waris yang berhak dan pembahagian setiap waris mengikut hukum syarak.

4.3 Kedudukan Kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* di MRSWP Kuala Lumpur

Keseluruhan kes mal yang didaftarkan di MRSWP Kuala Lumpur sepanjang tahun 2004 hingga 2009 secara puratanya adalah 2,780 kes¹² setiap tahun. Sementara itu kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* merupakan kes terpencil berbanding kes-kes lain di bawah bidangkuasa mahkamah rendah seperti nafkah anak dan pelbagai jenis kes perceraian. Nisbah kes antara Tuntutan Sabitan *Nusyūz* dengan kes-kes lain yang difailkan sepanjang enam tahun tersebut adalah tinggi iaitu 0.32 : 100.

4.3.1 Bilangan kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* dan perkembangannya

Fokus kajian penulis dalam bab ini adalah bagi menganalisis kandungan fail kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* yang difailkan di MRSWP Kuala Lumpur sepanjang tahun 2004 hingga 2009. Sepanjang enam tahun tersebut, sebanyak 58 kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* telah difailkan dengan 48 kes telah selesai manakala baki 10 kes masih dalam prosiding di mahkamah¹³.

Persoalan *nusyūz* isteri bukan sahaja melibatkan kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz*, malahan isu *nusyūz* isteri juga lazim ditimbulkan dalam kes-kes lain sama ada di dalam bidangkuasa mahkamah rendah syariah mahupun mahkamah tinggi syariah. Antara kes yang lazim melibatkan isu *nusyūz* ini ialah kes fasakh, ta'liq, muta'ah, nafkah isteri dan nafkah eddah. Isu *nusyūz* isteri yang ditimbulkan adalah daripada pihak Defendan atau suami sebagai pembelaan berikutan tidak bersetuju dengan tuntutan Plaintiff atau isteri dalam kes-kes tersebut. Justeru, isu *nusyūz* isteri akan menjadi pembelaan ataupun tuntutan balas dalam kes tersebut. Alasan ini juga menyebabkan bilangan kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* tidak banyak difailkan di MRSWP Kuala Lumpur.

¹² Sistem E-Syariah yang dibangunkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.

¹³ Sehingga 10hb. Mac, 2010.

Secara terperinci, taburan pendaftaran kes ini adalah seperti berikut :-

Statistik Kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dari Tahun 2004 hingga 2009*

TAHUN	DAFTAR KES	STATUS KES				
		LULUS	TOLAK	TARIK BALIK	BATAL / BUANG KES	DALAM PROSIDING
2004	4	0	0	1	3	0
2005	1	0	0	1	0	0
2006	2	0	1	1	0	0
2007	6	0	2	2	1	1
2008	27	0	1	18	7	1
2009	18	0	0	8	2	8
JUMLAH	58	0	4	31	13	10

* Sumber : Sistem E-Syariah MSWP (sehingga Mac, 2010)

■	DALAM PROSIDING
□	BATAL / BUANG KES
□	TARIK BALIK
■	TOLAK
■	LULUS

Rajah 1 : Bilangan Kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* dari 2004 hingga 2009 di MRSWP Kuala Lumpur

Bilangan kes yang didaftarkan bagi keenam-enam tahun kajian menunjukkan taburan kes yang tidak sekata antara setiap tahun. Pada tahun 2004, terdapat sebanyak 4

kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* yang telah didaftarkan, iaitu mewakili 6.9% daripada keseluruhan kajian. Jumlah kes yang mencapai status selesai adalah 100%, iaitu 1 kes telah ditarik balik oleh Plaintiff dan 3 kes lagi berstatus Batal/Buang Kes.

Sementara itu, pada tahun 2005, bilangan kes yang didaftarkan telah menurun sebanyak 75% kepada hanya 1 kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* yang telah didaftarkan dan telahpun selesai dengan Plaintiff menarik balik kes tersebut. Tahun 2006 pula menunjukkan pertambahan bilangan kes yang tidak ketara berbanding tahun sebelumnya, iaitu hanya 2 kes didaftarkan. Kedua-dua kes tersebut dapat diselesaikan dengan 1 kes permohonan ditolak manakala 1 kes lagi ditarik balik oleh Plaintiff.

Namun demikian, berlaku peningkatan sebanyak 66.7% bagi pendaftaran kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* pada tahun 2007, iaitu sebanyak 6 kes telah didaftarkan sepanjang tahun ini. Daripada 6 kes tersebut, 2 kes atau 33.3% kes telah ditolak permohonannya oleh Mahkamah dan 2 kes lain adalah berstatus tarik balik kes. Baki 2 kes pula masing-masing 1 kes dibuang kes dan 1 kes masih dalam prosiding perbicaraan di Mahkamah.

Seterusnya, peningkatan yang mendadak sebanyak 77.8% bagi pendaftaran kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz*. Pertambahan bilangan kes ini berlaku pada tahun 2008 berbanding tahun sebelumnya. Sebanyak 27 kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* telah didaftarkan pada tahun ini dengan 66.7% atau 18 kes daripadanya telah ditarik balik oleh Plaintiff yang memfailkan kes ini. Sejumlah 7 kes pula dibuang oleh Mahkamah atas alasan-alasan tertentu manakala masing-masing 1 kes telah ditolak permohonannya dan masih dalam prosiding Mahkamah di peringkat perbicaraan.

Seterusnya, pendaftaran bagi kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* di MRSWP Kuala Lumpur pada tahun 2009 telah berkurangan berbanding tahun sebelumnya. 18 kes telah didaftarkan sepanjang tahun ini dengan sebanyak 8 kes atau 44.4% kes telah ditarik balik dan 2 kes atau 11.1% kes telah dibuang oleh Mahkamah. Statistik tahun 2009 juga

menunjukkan bahawa terdapat baki 8 kes yang didaftarkan pada tahun ini belum selesai, iaitu 3 kes sudah dalam peringkat perbicaraan dan baki 5 kes masih di peringkat sebutan. Keseluruhan statistik ini adalah data yang diperoleh sehingga Mac, 2010.

Oleh demikian, secara keseluruhannya, pendaftaran kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* bagi tahun 2004 hingga 2009 menunjukkan taburan bilangan kes yang tidak sekata dan diluar jangkaan. Bilangan kes yang paling rendah difailkan adalah pada tahun 2005 dengan 1 kes sahaja manakala bilangan tertinggi kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* difailkan pada tahun 2008 dengan 27 kes. Daripada 58 kes yang didaftarkan, 48 kes atau 82.8% telah berjaya diselesaikan sama ada melalui permohonan ditolak, tarik balik kes atau kes dibatal / dibuang. Baki 10 kes lagi masih dalam prosiding di mahkamah sama ada di peringkat sebutan ataupun perbicaraan.

4.4 Analisis Kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz*

Kajian penulis adalah berteraskan fail kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* dan isu yang difokuskan adalah pensabitan isteri *nusyūz* di MRSWP Kuala Lumpur. Tujuan penulis mengakses fail adalah bagi mengenalpasti perkara-perkara yang berkaitan Tuntutan Sabitan *Nusyūz* dengan lebih teliti dan seterusnya menganalisis data termasuklah dalam aspek prosiding di mahkamah.

Statistik pendaftaran kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* sepanjang tahun 2004 hingga 2009 menunjukkan bahawa jumlah kes yang didaftarkan bagi enam tahun ini adalah sebanyak 58 kes. Daripada jumlah ini, 10 kes masih dalam tindakan atau prosiding perbicaraan atau sebutan manakala bakinya 48 kes atau 82.8% kes telah berjaya diselesaikan oleh mahkamah.

Justeru, bagi mendapatkan data dan maklumat secara langsung berkenaan kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* termasuklah prosiding yang telah dijalankan, peruntukan undang-undang dan sebagainya, kajian telah dijalankan ke atas fail-fail kes di MRSWP

Kuala Lumpur. Kelompok-kelompok maklumat bagi analisis fail kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* adalah merangkumi maklumat berkenaan profil kes, latar belakang fail kes dan maklumat kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz*.

Bilangan kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* yang didaftarkan sepanjang enam tahun kajian ialah 58 kes dan 48 kes telah selesai. Penulis telah mengakses dan meneliti 45 fail kes, iaitu mewakili 93.8% fail kes yang telah selesai. Hanya baki 3 fail kes yang penulis tidak dapat memperoleh maklumat.

Borang Soal Selidik Fail Kes bagi Tuntutan Sabitan *Nusyūz* ini disediakan dengan setiap item atau perkara adalah meliputi keseluruhan isi fail sesuatu kes, iaitu dapat dibahagikan kepada tiga bahagian dan pecahannya adalah seperti berikut :-

- (i) Bahagian A : Profil Kes
- (ii) Bahagian B : Latar Belakang Fail Kes
- (iii) Bahagian C : Maklumat Fail Kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz*

4.4.1 Profil Kes

Bahagian pertama soal selidik adalah berkaitan profil kes atau latar belakang pihak-pihak, iaitu meliputi maklumat Plaintiff selaku pihak yang memfailkan dan memulakan kes. Selain itu, maklumat Defendan dan maklumat perkahwinan pasangan juga dapat diperoleh melalui kaji selidik fail kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* ini. Maklumat Plaintiff dan Defendan yang dapat diperoleh ialah jantina, umur, pekerjaan dan pendapatan bulanan manakala bagi kelompok maklumat perkahwinan pula adalah tahun berkahwin, tempoh perkahwinan sehingga tarikh tuntutan dan bilangan anak.

Pertama; berkenaan maklumat Plaintiff. Plaintiff menurut Kamus Undang-Undang ialah seseorang yang memohon relief terhadap seseorang yang lain di dalam suatu tindakan atau prosiding mahkamah¹⁴. Dalam perkataan lain, Plaintiff ialah seorang yang telah mengambil suatu tindakan undang-undang ke atas suatu pihak lain, iaitu

¹⁴ T.p. (1995). *Kamus Undang-Undang*. Shah Alam : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Defendan. Justeru, dapat difahami bahawa Plaintiff ialah pihak yang mengemukakan tuntutan terhadap suatu pihak yang lain dan juga pihak yang memulakan prosiding sesuatu kes. Antara perkara yang terkandung sebagai maklumat peribadi Plaintiff dalam sesuatu fail kes ialah jantina, umur, pekerjaan dan tempat tinggal.

Daripada 45 fail kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* yang dijalankan kajian, kesemua Plaintiff terdiri daripada lelaki, iaitu suatu tuntutan seseorang suami kepada Mahkamah bagi mensabitkan isterinya sebagai *nusyūz*. Tiada kes yang difailkan oleh isteri bagi mensabitkan suaminya sebagai *nusyūz* walaupun undang-undang sendiri tidak menutup pintu bagi tuntutan tersebut. Tajuk kod kes yang digunakan juga adalah umum, iaitu Tuntutan Sabitan *Nusyūz*, yang jelas sekali tidak menunjukkan sabitan bagi suami atau isteri sahaja.

Maklumat berkenaan umur Plaintiff semasa memfailkan Tuntutan Sabitan *Nusyūz* ke atas isteri masing-masing adalah seperti berikut, iaitu :-

Jadual 4.1 : Umur Plaintiff

Umur	Bilangan Kes	Peratus (%)
Bawah 20 tahun	1	2.2
21 tahun hingga 25 tahun	3	6.7
26 tahun hingga 30 tahun	11	24.4
31 tahun hingga 35 tahun	10	22.2
36 tahun hingga 40 tahun	7	15.6
41 tahun hingga 45 tahun	4	8.9
46 tahun hingga 50 tahun	6	13.3
51 tahun ke atas	3	6.7
JUMLAH	45	100

Sumber : Fail Kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* dari 2004 hingga 2009

Sepanjang enam tahun tersebut, peringkat umur Plaintiff atau suami yang paling ramai memfailkan kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* adalah di usia 26 tahun hingga 30 tahun, iaitu seramai 11 kes. Berikutnya ialah Plaintiff yang berumur dalam lingkungan 31 tahun hingga 35 tahun yang boleh dikatakan masih di peringkat awal memasuki alam rumahtangga.

Peringkat umur Plaintiff bawah 20 tahun adalah bagi 1 kes¹⁵, iaitu Plaintiff hanya berumur 17 tahun semasa memfailkan tuntutan ini di mahkamah. Sementara itu, 3 kes atau 6.7% Plaintiff berusia melebihi 51 tahun iaitu bagi kes Mal No. : 14001-058-0109-2008, umur Plaintiff semasa memfailkan kes ialah 52 tahun manakala bagi kes Mal No. : 14002-058-1112-2008 Plaintiff sudah berusia 55 tahun. Selain dua kes tersebut, kes Mal No. : 14004-058-0096-2007 merekodkan bahawa umur Plaintiff semasa memfailkan kes ini pada tahun 2007 sudah mencapai usia 71 tahun.

Justeru, umur Plaintiff termuda adalah 17 tahun dan 71 tahun sebagai usia tertua menunjukkan bahawa permasalahan rumah tangga yang berlaku sehingga menyebabkan suatu tuntutan sabitan *nusyūz* ke atas isteri difailkan di mahkamah bukan disebabkan faktor usia. Namun, tidak dapat dinafikan bahawa perkara ini merupakan situasi yang membimbangkan dalam masyarakat. Walaupun tidak diwakili oleh bilangan yang ramai, langkah memantapkan institusi kekeluargaan perlu diutamakan bagi membendung permasalahan yang berpanjangan.

Kajian melalui soal selidik fail kes ini juga dapat mengenalpasti latar belakang pekerjaan Plaintiff dalam kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz*.

Jadual 4.2 : Pekerjaan Plaintiff

Pekerjaan	Bilangan Kes	Peratus (%)
Kerajaan	13	28.9
Swasta	15	33.3
Sendiri	13	28.9
Tidak Bekerja	1	2.2
Tiada Maklumat	3	6.7
JUMLAH	45	100

Sumber : Fail Kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* dari 2004 hingga 2009

Oleh demikian, berdasarkan maklumat pekerjaan yang diperoleh menunjukkan bahawa seramai 13 orang Plaintiff bekerja dalam sektor awam manakala 15 orang Plaintiff pula bekerja dalam sektor swasta dan 13 orang Plaintiff pula bekerja sendiri.

¹⁵ Kes Mal : 14003-058-0584-2009.

Bilangan ini mewakili 91.1% Plaintiff adalah bekerja atau mempunyai pekerjaan. Baki empat orang Plaintiff direkodkan seorang tidak bekerja dan tiga orang lagi tidak memberikan maklumat pekerjaan masing-masing.

Plaintif terdiri daripada pelbagai golongan dan antara pekerjaan plaintiff ialah tentera, polis, mekanik, pemandu bas, pengawal keselamatan, juruteknik dan pemandu teksi. Isu nusyuz dalam rumahtangga juga melibatkan golongan professional seperti jurutera dan arkitek manakala golongan lain yang turut menjadi Plaintiff dalam kes ini ialah ahli perniagaan, pengurus bank, pengarah projek, pengurus syarikat dan konsultan.

Penulis juga menganalisis kedudukan kewangan Plaintiff melalui pendapatan bulanan dalam menjalankan tanggungjawab kepada Defendan khususnya dari aspek nafkah zahir.

Jadual 4.3 : Pendapatan Bulanan Plaintiff

Pendapatan	Bilangan Kes	Peratus (%)
Kurang RM 1,000	7	15.6
RM 1,001 hingga RM 2,000	11	24.4
RM 2,001 hingga RM 3,000	2	4.4
RM 3,001 hingga RM 4,000	3	6.7
RM 4,001 hingga RM 5,000	2	4.4
RM 5,001 dan ke atas	5	11.1
Tiada Pendapatan	1	2.2
Tiada Maklumat	14	31.1
JUMLAH	45	100

Sumber : Fail Kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* dari 2004 hingga 2009

Hanya 31 kes sahaja yang dapat memberikan maklumat berkaitan pendapatan bulanan Plaintiff dan baki 31.1% kes tidak mempunyai maklumat tersebut. Maklumat menunjukkan bahawa majoriti Plaintiff berpendapatan bulanan antara RM 1,0001 hingga RM 2,000 dengan seramai 11 orang atau mewakili 24.4%. Sementara itu, masing-masing 2 kes menunjukkan Plaintiff atau suami berpendapatan RM 2,001 hingga RM 3,000 dan RM 4,001 hingga RM 5,000.

Plaintif yang berpendapatan kurang dari RM 1,000 sebulan, iaitu seramai 7 orang atau 15.6% dan peratusan ini adalah tinggi dan boleh menjadi antara penyumbang

kepada masalah dalam institusi kekeluargaan yang berpunca dari aspek kewangan keluarga memandangkan kos sara hidup yang tinggi di ibu kota Kuala Lumpur.

Namun, kadar kemampuan kewangan yang tinggi juga tidak menjanjikan kebahagiaan dalam rumah tangga. Statistik menunjukkan bahawa Plaintiff yang berpendapatan bulanan melebihi RM 5,000 adalah seramai 5 orang atau 11.1%, iaitu 3 kes melibatkan Plaintiff berpendapatan RM 5,000 hingga RM 10,000 sebulan dan 2 kes lagi menunjukkan Plaintiff mempunyai pendapatan melebihi RM 20,000.

Kedua; berkenaan maklumat Defendan, iaitu Defendan adalah pihak yang berlawanan dengan Plaintiff dalam sesuatu prosiding di mahkamah. Sepanjang tahun 2004 hingga 2009, bagi kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz*, kesemua Defendan terdiri daripada wanita kerana tuntutan ini difailkan oleh suami masing-masing.

Maklumat berkenaan umur Defendan semasa kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* dan didengar dapat dipecahkan kepada beberapa kelompok.

Jadual 4.4 : Umur Defendan

Umur	Bilangan Kes	Peratus (%)
Bawah 20 tahun	2	4.4
21 tahun hingga 25 tahun	10	22.2
26 tahun hingga 30 tahun	12	26.7
31 tahun hingga 35 tahun	8	17.8
36 tahun hingga 40 tahun	5	11.1
41 tahun hingga 45 tahun	5	11.1
46 tahun hingga 50 tahun	3	6.7
JUMLAH	45	100

Sumber : Fail Kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* dari 2004 hingga 2009

Pecahan umur bagi Defendan adalah 12 orang berusia dari 26 hingga 30 tahun dan kelompok ini juga mewakili majoriti umur Defendan dan diikuti oleh kelompok Defendan atau isteri yang berusia 21 tahun hingga 25 tahun seramai 10 orang. Jumlah kedua-dua kelompok 21 tahun hingga 30 tahun ini adalah 48.9%. Perbandingan yang dapat dilihat bagi umur Plaintiff dan Defendan ialah majoriti Plaintiff berusia 26 tahun hingga 35 tahun manakala bagi Defendan pula berusia 21 tahun hingga 30 tahun.

Sementara itu, bagi kelompok 31 tahun hingga 35 tahun seramai 8 orang; kelompok 46 tahun hingga 50 tahun 3 orang dan masing-masing 5 orang atau 11.1% Defendan berusia 41 tahun hingga 45 tahun dan 46 tahun hingga 50 tahun. Taburan Defendan mengikut umur juga menunjukkan bahawa seramai 2 orang atau 4.4% Defendan berusia bawah daripada 20 tahun. Kes Mal No. : 14004-058-0505-2007 menunjukkan Defendan berusia 19 tahun manakala Defendan termuda adalah berusia 16 tahun melalui kes Mal No. : 14003-058-0584-2009. Tiada kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* yang melibatkan Defendan berusia melebihi 51 tahun.

Seterusnya ialah data berkenaan pekerjaan Defendan.

Jadual 4.5 : Pekerjaan Defendan

Pekerjaan	Bilangan Kes	Peratus (%)
Kerajaan	9	20.0
Swasta	17	37.8
Sendiri	1	2.2
Surirumah/Tidak Bekerja	8	17.8
Tiada Maklumat	9	20.0
Tidak Diketahui (Ghaib)	1	2.2
JUMLAH	45	100

Sumber : Fail Kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* dari 2004 hingga 2009

37.8% atau 17 orang Defendan bekerja dalam sektor swasta merupakan kelompok majoriti. Baki 9 orang atau 20% Defendan bekerja dalam sektor kerajaan, dan hanya seorang bekerja sendiri. Antara pekerjaan Defendan di sektor awam ialah guru, jururawat, tentera dan pembantu tadbir manakala pekerjaan Defendan di sektor swasta pula, antaranya pengurus, penerbit iklan, setiausaha, juru jual, pembantu kedai dan kerani. Selain itu, 8 orang Defendan direkodkan sebagai tidak bekerja dan sebagai suri rumah manakala bakinya, iaitu 9 orang lagi tidak diketahui maklumatnya. Terdapat 1 kes yang melibatkan Defendan ghaib atau tidak diketahui.

Jadual 4.6 : Pendapatan Defendan

Pendapatan Bulanan	Bilangan Kes	Peratus (%)
Kurang RM 1,000	1	2.2
RM 1,001 hingga RM 2,000	8	17.8
RM 2,001 hingga RM 3,000	2	4.4
RM 3,001 hingga RM 4,000	1	2.2
RM 4,001 hingga RM 5,000	2	4.4
RM 5,001 dan ke atas	2	4.4
Tiada Pendapatan	8	17.8
Tiada Maklumat	21	46.7
JUMLAH	45	100

Sumber : Fail Kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* dari 2004 hingga 2009

Maklumat berkenaan pendapatan bulanan Defendan pula menunjukkan taburan yang tidak sekata dan 46.7% kes tidak diketahui maklumat pendapatan bulanan Defendan. 8 orang Defendan tidak mempunyai pendapatan kerana tidak bekerja, iaitu menyamai bilangan Defendan yang menjadi suri rumah sepenuh masa. Maklumat yang diperoleh juga menunjukkan bahawa majoriti Defendan berpendapatan RM 1,001 hingga RM 2,000 sebulan, iaitu seramai 8 orang dan masing-masing 2 orang Defendan mempunyai pendapatan bulanan RM 2,001 hingga RM 3,000, RM 4,001 hingga RM 5,000 dan RM 5,001 dan ke atas. Maksimum pendapat Defendan adalah RM 5,800 iaitu bagi kes Mal : 14004-058-0348-2007.

Ketiga; berkenaan maklumat perkahwinan. Kajian yang dijalankan ini turut mendapatkan maklumat berkenaan perkahwinan pihak-pihak dalam kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz*. Latar belakang perkahwinan pasangan ini penting bagi mengenalpasti kedudukan perkahwinan sejak dari awal sehingga kes ini difailkan oleh Plaintif. Antara intipati maklumat yang boleh diperoleh dari fail kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* yang didaftarkan ialah tahun pasangan berkahwin dan tempoh perkahwinan sehingga tarikh tuntutan.

Jadual 4.7 : Tahun Berkahwin

Tahun	Bilangan Kes	Peratus (%)
1981 – 1985	4	8.9
1986 – 1990	2	4.4
1991 – 1995	5	11.1
1996 – 2000	10	22.2
2001 – 2005	16	35.6
2006 – 2009	8	17.8
JUMLAH	45	100

Sumber : Fail Kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* dari 2004 hingga 2009

Pertama adalah tahun Plaintiff dan Defendan berkahwin dan terdapat enam kelompok tahun pasangan kes ini berkahwin, iaitu antara tahun 1981 hingga 1985, 1986 hingga 1990, 1991 hingga 1995, 1996 hingga 2000, 2001 hingga 2005 dan 2006 hingga 2009. Pecahan mengikut peratusan bagi setiap kelompok adalah dimonopoli oleh pasangan yang berkahwin pada tahun 2001 hingga 2005 sebanyak 16 kes dengan mewakili 35.6% kes. Kelompok terendah pula adalah sebanyak 2 kes sahaja, iaitu bagi pasangan yang berkahwin pada tahun 1986 hingga 1990. Namun, jumlah pasangan yang berkahwin pada empat tahun kebelakang dan timbul isu *nusyūz* dalam rumah tangga, iaitu bagi pihak-pihak yang berkahwin pada tahun 2006 hingga 2009 juga menunjukkan peratusan kes yang membimbangkan, iaitu sebanyak 8 kes atau 17.8%.

Seterusnya, bagi menghuraikan dengan lebih lanjut perkara tersebut, penulis menganalisis tempoh bagi perkahwinan Plaintiff dan Defendan.

Jadual 4.8: Tempoh Perkahwinan

Tempoh	Bilangan Kes	Peratus (%)
Kurang daripada setahun	4	8.9
1 tahun hingga 3 tahun	11	24.4
3 tahun hingga 6 tahun	8	17.8
6 tahun hingga 9 tahun	7	15.6
9 tahun hingga 12 tahun	5	11.1
12 tahun hingga 15 tahun	2	4.4
15 tahun hingga 18 tahun	3	6.7
Lebih daripada 18 tahun	5	11.1
JUMLAH	45	100

Sumber : Fail Kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* dari 2004 hingga 2009

Data yang diperoleh menunjukkan bahawa tempoh perkahwinan pasangan sehingga kes difailkan bagi majoriti pasangan adalah 1 tahun hingga 3 tahun sahaja, iaitu seramai 11 pasangan atau 24.4%. Pecahan yang lain ialah 8 pasangan yang usia perkahwinan mereka 3 tahun hingga 6 tahun manakala perkahwinan 4 pasangan lagi hanya mampu bertahan kurang daripada setahun. Salah satu kes tersebut menunjukkan bahawa tempoh minimum perkahwinan adalah hanya selama dua bulan sahaja, iaitu melalui kes Mal : 14002-058-0104-2008 dan tempoh perkahwinan bagi baki tiga kes lagi ialah 10 bulan hingga 11 bulan.

Sementara itu, pasangan yang mampu bertahan sehingga melebihi tempoh 12 tahun dan ke atas pula terdiri daripada 10 pasangan. 2 daripadanya atau 4.4% adalah 12 tahun hingga 15 tahun dan 3 pasangan mempertahankan 15 tahun hingga 18 tahun tempoh perkahwinan masing-masing.

Baki 5 pasangan atau 11.1% kes pula terdiri daripada pasangan yang sudah mendirikan perkahwinan melebihi 18 tahun, suatu tempoh yang agak lama dan sewajarnya suami dan isteri lebih matang dalam menjalankan tanggungjawab masing-masing dalam keluarga. 5 kes ini ialah bagi kes Mal No. : 14002-058-1211-2008, iaitu tempoh perkahwinan telah menjangkau usia 21 tahun semasa kes difailkan manakala kes Mal No. : 14001-058-0109-2008 dan 14002-058-1284-2008 pula pihak-pihak telah melalui tempoh perkahwinan selamat 23 tahun. Sementara itu, bagi kes Mal No. : 14003-058-0415-2008, tempoh berkahwinan adalah selama 24 tahun dan tempoh perkahwinan paling lama dan telah timbul isu *nusyūz* adalah tempoh 25 tahun perkahwinan yang dicatatkan melalui kes Mal No : 14005-058-0338-2007.

4.4.2 Latar Belakang Fail Kes

Antara data yang terkandung dalam set soal selidik fail bagi bahagian latar belakang fail kes ialah tahun kes didaftarkan, peringkat mahkamah, tahun kes dapat

diselesaikan dan tempohnya, proses Sulh dan peruntukan undang-undang yang digunapakai dalam kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz*. Selain itu, bahagian ini turut menganalisis berkenaan kes lain yang difailkan bersama dalam tuntutan ini dan tindakan sebelum memulakan prosiding ini. Kesemua data tersebut diperlukan dalam melengkapkan maklumat asas bagi fail kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz*.

Bilangan keseluruhan kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* yang difailkan sepanjang tahun 2004 hingga 2009 adalah sebanyak 58 kes dengan 48 kes selesai dan 10 kes lagi dalam peringkat perbicaraan atau sebutan. Sementara itu, bagi tujuan analisis data ini, penulis telah mengakses 45 fail kes, iaitu 93.8% daripada kes selesai. Fail yang dapat diakses adalah kesemua kes selesai bagi tahun 2004 hingga 2007 dan juga tahun 2009. 3 fail yang tidak dapat penulis akses adalah fail kes yang ketiga-tiganya didaftarkan pada tahun 2008.

Jadual 4.9 : Kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* daftar dan selesai mengikut tahun

Tahun	Bilangan Kes Daftar	Peratus (%)	Bilangan Kes Selesai	Peratus (%)
2004	4	8.9	3	6.7
2005	1	2.2	1	2.2
2006	2	4.4	2	4.4
2007	5	11.1	2	4.4
2008	23	51.1	15	33.3
2009	10	22.2	20	44.4
2010	-	-	2	4.4
JUMLAH	45	100	45	100

Sumber : Fail Kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* dari 2004 hingga 2009

Secara terperinci, 45 fail kes selesai yang diakses oleh penulis tersebut adalah melibatkan 4 kes bagi tahun 2004, 1 kes bagi tahun 2005, 2 kes bagi tahun 2006 dan 5 kes yang didaftarkan pada tahun 2007. Jumlah tertinggi kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* sepanjang enam tahun kajian penulis ini adalah pada tahun 2008, iaitu penulis telah mengakses 23 fail kes yang juga mewakili 51.1% daripada keseluruhan fail. Pada tahun 2009, terdapat 18 kes yang difailkan dan 10 kes sudah selesai prosiding dan

penulis dapat mengakses kesemua fail selesai tersebut. Keseluruhan kes ini juga adalah di bawah bidangkuasa MRSWP Kuala Lumpur.

Selain data tahun kes didaftarkan, data tahun kes selesai juga diperoleh dan pecahannya ialah 3 kes dapat diselesaikan pada tahun 2004, 1 kes pada tahun 2005 dan masing-masing 2 kes pada tahun 2006 dan 2007. Pada tahun 2008 pula, sebanyak 15 kes atau 33.3% berjaya diselesaikan manakala pada 2009 menunjukkan bahawa 44.4% kes dapat diselesaikan. Sehingga Mei, 2010 pula, 2 kes berjaya diselesaikan, iaitu melibatkan kes yang didaftarkan sepanjang 2004 hingga 2009.

Jadual 4.10 : Tempoh kes dapat diselesaikan

Tempoh	Bilangan Kes	Peratus (%)
1 bulan hingga 6 bulan	30	66.7
6 bulan hingga 12 bulan	10	22.2
12 bulan hingga 18 bulan	2	4.4
18 bulan hingga 24 bulan	1	2.2
24 bulan hingga 30 bulan	1	2.2
Lebih daripada 30 bulan	1	2.2
JUMLAH	45	100

Sumber : Fail Kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* dari 2004 hingga 2009

Selanjutnya, daripada kedua-dua data tersebut di atas, iaitu tahun kes difailkan dan tahun kes dapat diselesaikan, data tempoh kes dapat diselesaikan juga diperoleh. Sebanyak 30 atau 66.7% kes dapat diselesaikan hanya dalam tempoh 1 bulan hingga 6 bulan selepas didaftarkan dan 10 kes lagi mengambil masa 6 bulan hingga 12 bulan. Tempoh paling lama kes dapat diselesaikan adalah lebih daripada 30 bulan dan hanya melibatkan 1 kes sahaja.

Merujuk kepada kes yang melibatkan tempoh melebihi 30 bulan untuk diselesaikan, faktor penangguhan kes akibat ketidakhadiran Plaintiff sepanjang prosiding kes tersebut menjadi punca tempoh yang panjang untuk diselesaikan. Dalam kes Mal : 14002-058-0299-2008, sebutan pertama adalah pada 1hb. Julai, 2008 dan kes hanya diselesaikan pada 17hb. Februari, 2010 dengan Mahkamah memerintahkan kes dibuang

atas ketidakhadiran Plaintiff sebanyak tiga kali tanpa sebab. Empat kali ketidakhadiran Plaintiff bersebab, iaitu atas alasan kursus dan mesyuarat.

Dalam kes tersebut, Defendan sentiasa memberi kerjasama dan hadir pada setiap kali tarikh pendengaran kes. Proses sebutan lengkap dengan semua pliding telah sempurna pada 9hb. Oktober, 2008 dan telah ditetapkan tarikh perbicaraan pada 4hb. Disember, 2008. Namun, Plaintiff tidak hadir perbicaraan pada 5hb. Januari, 2009, 18hb. Februari, 2009 dan 17hb. Februari, 2010. Ketidakhadiran Plaintiff ini menyebabkan kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* ini dibuang/dibatalkan oleh Mahkamah.

Namun, secara keseluruhannya, tempoh yang diambil bagi menyelesaikan kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* ini adalah lebih pendek berbanding kes-kes yang lain seperti fasakh, ta'liq, tuntutan nafkah dan lain-lain.

Jadual 4.11 : Proses Sulh

Melalui Proses Sulh	Bilangan Kes	Peratus (%)
Ya	4	8.9
Tidak	41	91.1
JUMLAH	45	100

Sumber : Fail Kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* dari 2004 hingga 2009

Jadual 4.12 : Status Proses Sulh

Status Sulh	Bilangan Kes	Peratus (%)
Gagal	4	100
Berjaya	0	0
JUMLAH	4	100

Sumber : Fail Kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* dari 2004 hingga 2009

Sementara itu, berkenaan proses Sulh yang dijalankan bagi kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* ini, 91.1% atau 41 kes daripada jumlah 45 kes yang diakses tidak menjalani proses Sulh. Hanya 4 kes sahaja yang menjalani Majlis Sulh. Hal ini kerana, proses Sulh di mahkamah syariah adalah melibatkan segala isu selepas perceraian, namun atas

keadaan-keadaan tertentu dalam persoalan *nusyūz* ini juga ada yang dibawa kepada Majlis Sulh. Dalam perkara ini, daripada 4 kes yang dibawa ke Majlis Sulh, kesemua kes gagal di peringkat Sulh dan dipanjangkan ke mahkamah.

Jadual 4.13: Peruntukan Undang-Undang

Peruntukan Undang-Undang	Pemakaian (kes)
Seksyen 59 (2) AUKI ¹⁶ 1984	8
Seksyen 129 AUKI 1984	2
Seksyen 244 ATM ¹⁷ 1998	1
Seksyen 245 ATM 1998	2
Seksyen 47 APUI ¹⁸ 1993	3
Tidak Dinyatakan	33
JUMLAH	49

Sumber : Fail Kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* dari 2004 hingga 2009

Persoalan *nusyūz* yang dikemukakan kepada mahkamah memerlukan suatu kausa perundangan dalam menentukan wujud atau tidak sesuatu kes. Antara peruntukan undang-undang yang digunapakai dalam kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* ini ialah Seksyen 59(2) dan Seksyen 129 Akta Undang-Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984; dan Seksyen 244 dan 245 Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998 di samping bidangkuasa asal MRSWP Kuala Lumpur yang diperuntukkan dalam Seksyen 47 Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993.

Seksyen 59(2)¹⁹ Akta Undang-Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 memperuntukkan berkenaan “*Kuasa Mahkamah memerintah nafkah bagi isteri, dan kesan nusyuz*” dan bilangan kes yang

¹⁶ Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984.

¹⁷ Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998.

¹⁸ Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993.

¹⁹ **Seksyen 59. Kuasa Mahkamah memerintah nafkah bagi isteri, dan kesan nusyuz**

(2) Tertakluk kepada Hukum Syarak dan pengesahan Mahkamah, seseorang isteri tidaklah berhak mendapat nafkah apabila dia nusyuz atau enggan dengan tidak berpatutan menurut kemahuan atau perintah sah suaminya, iaitu, antara lain—

(a) apabila dia menjauhkan dirinya dari suaminya;

(b) apabila dia meninggalkan rumah suaminya bertentangan dengan kemahuan suaminya;

(c) apabila dia enggan berpindah bersama suaminya ke satu rumah atau tempat lain,

tanpa apa-apa sebab yang sah mengikut Hukum Syarak.

menggunakan peruntukan ini sebagai kausa tindakan dalam tuntutan masing-masing adalah sebanyak 8 kes manakala bakinya 37 kes tidak ada menggunakan peruntukan ini dalam tuntutan mereka.

Sementara itu, bagi Seksyen 129²⁰ Akta yang sama yang menjelaskan berkenaan “*Isteri tidak menurut perintah*” hanya dua tuntutan yang menggunakan peruntukan ini. Seksyen 129 ini diperuntukkan di bawah kesalahan matrimoni dalam perundangan keluarga Islam. Sepatutnya, pemakaian peruntukan ini memerlukan suatu perintah daripada mahkamah syariah sama ada bagi memerintahkan isteri agar kembali taat kepada suami atau mahkamah mensabitkan seseorang itu sebagai *nusyūz*.

Peruntukan lain ialah Seksyen 244²¹ dan Seksyen 245²² Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998 iaitu peruntukan yang menyentuh berkenaan “*Kuasa sedia ada mahkamah*” dan “*Hukum Syarak*”. Hanya tiga kes yang menggunakan peruntukan ini bagi kedua-dua peruntukan. Secara umumnya, pemakaian kedua-dua peruntukan ini adalah dalam keadaan tiada peruntukan yang dinyatakan di dalam perundangan bertulis atau atas dasar keadilan, maka mahkamah boleh menggunakan budi bicaranya yang menyentuh isu tersebut. Hukum syarak akan digunakan sekiranya peruntukan undang-undang sedia ada tidak menjelaskan atau jika dijelaskan bertentangan dengan hukum syarak.

²⁰ **Seksyen 129. Isteri tidak menurut perintah**

Seseorang perempuan yang dengan sengaja tidak menurut sesuatu perintah yang diberi oleh suaminya yang sah mengikut Hukum Syarak melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi satu ratus ringgit atau, bagi kesalahan kali kedua atau kali kemudiannya, denda tidak melebihi lima ratus ringgit.

²¹ **Seksyen 244. Kuasa sedia ada Mahkamah.**

Tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh disifatkan sebagai mengehadkan atau menyentuh kuasa sedia ada pada Mahkamah untuk membuat apa-apa perintah yang perlu untuk mengelakkan ketidakadilan atau mengelakkan penyalahgunaan proses Mahkamah.

²² **Seksyen 245. Hukum Syarak.**

(1) Mana-mana peruntukan atau tafsiran peruntukan di bawah Akta ini yang tidak selaras dengan Hukum Syarak hendaklah terbatal setakat ketidakselarasan itu.

(2) Jika terdapat apa-apa lakuna atau jika apa-apa perkara tidak diperuntukkan dengan nyata dalam Akta ini, Mahkamah hendaklah menggunakan Hukum Syarak.

Sementara itu, dalam Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993, iaitu bagi Seksyen 47²³ pula menerangkan berkenaan bidangkuasa asal bagi Mahkamah Rendah Syariah. Hanya 3 kes menggunakan kausa tindakan ini.

Selain itu, sejumlah 33 kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* yang difailkan sepanjang enam tahun, iaitu dari 2004 hingga 2009 tidak menyatakan peruntukan undang-undang yang digunakan dalam tuntutan tersebut. Antara faktornya ialah ketiadaan atau kekurangan maklumat berkenaan tuntutan ini dan juga tiada peruntukan yang spesifik yang menjelaskan hal berkenaan tuntutan suami bagi mensabitkan isterinya sebagai *nusyūz* melalui kuasa mahkamah yang sedia ada.

Jadual 4.14: Kes-kes lain yang difailkan pihak-pihak

Kes	Bilangan Kes	Status Kes							
		Diluluskan		Ditolak		Tarik Balik		Tindakan	
		Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Pengesahan Cerai	8	2	25	1	12.5	5	62.5	0	-
Fasakh	13	1	7.7	1	7.7	8	61.5	3	23.1
Ta'liq	4	1	25	1	25	2	50	0	-
Khulu' / Tebus Talaq	3	3	100	0	-	0	-	0	-
Cerai	29	24	82.8	0	-	5	17.2	0	-
Tuntutan Isteri Taat	2	0	-	0	-	2	100	0	-

Sumber : E-Syariah pada 10 Mac, 2010.

²³ **Seksyen 47. Bidang kuasa Mahkamah Rendah Syariah.**

(1) Sesuatu Mahkamah Rendah Syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa di seluruh Wilayah-Wilayah Persekutuan dan hendaklah diketuai oleh seorang Hakim Mahkamah Rendah Syariah.

(2) Mahkamah Rendah Syariah hendaklah--

(a) dalam bidang kuasa jenayahnya, membicarakan apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh seseorang Islam di bawah Enakmen atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang menetapkan kesalahan-kesalahan terhadap rukun-rukun agama Islam yang baginya hukuman maksimum yang diperuntukkan oleh Enakmen atau mana-mana undang-undang bertulis itu tidak melebihi dua ribu ringgit, atau pemenjaraan selama tempoh satu tahun atau kedua-duanya, dan boleh mengenakan mana-mana hukuman yang diperuntukkan baginya;

(b) dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding yang Mahkamah Tinggi Syariah diberikuasa untuk mendengar dan memutuskannya, yang amaun atau nilai hal perkara yang dipertikaikan itu tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau tidak dapat dianggarkan dengan wang.

(3) Yang di-Pertuan Agong boleh dari semasa ke semasa melalui pemberitahuan dalam Warta memperluaskan bidang kuasa mal Mahkamah Rendah Syariah.

Di samping peruntukan undang-undang yang digunapakai dalam suatu tindakan bagi kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* ini, latar belakang fail kes ini juga menyingkap perkara berkenaan kes-kes lain yang difailkan oleh pihak-pihak di mahkamah. Signifikan perkara ini adalah bagi melihat tindakan lain pihak-pihak dalam mendapatkan hak masing-masing dan daripada hasil data yang diperoleh, terdapat beberapa kes yang difailkan oleh pihak-pihak di samping kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz*. Kes-kes tersebut termasuklah kes pengesahan cerai, fasakh, ta'liq, khulu' atau tebus talaq, cerai melalui persetujuan bersama dan tuntutan isteri taat.

Pertama ialah kes pengesahan perceraian di luar mahkamah dan daripada 45 kes yang diakses ini, lapan kes turut melibatkan pihak-pihak yang memfailkan kes pengesahan cerai luar mahkamah. Status bagi lapan kes ini ialah dua kes permohonan telah ditolak, satu kes permohonan diluluskan manakala lima kes lagi telah ditarik balik.

Kes lain ialah kes fasakh dan sebanyak 13 kes telah didaftarkan di samping wujudnya kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* ini yang melibatkan pihak-pihak yang sama. Daripada 13 kes ini, 10 kes telah berjaya diselesaikan iaitu masing-masing satu kes permohonan diluluskan dan ditolak, lapan kes telah ditarik balik manakala baki tiga kes pula masih di peringkat prosiding.

Seterusnya ialah kes ta'liq, iaitu hanya melibatkan empat kes sahaja dan berjaya diselesaikan dengan dua kes telah ditarik balik dan satu kes permohonan telah ditolak dan satu kes lagi permohonan diluluskan.

Sementara itu, bagi kes khulu' atau tebus talak pula, terdapat tiga kes yang turut difailkan dan ketiga-tiga kes ini selesai dengan permohonan tersebut diluluskan oleh mahkamah. Kes khulu' adalah melibatkan suatu pembayaran bagi amaun tertentu yang dipersetujui oleh suami daripada isteri kepada suami. Ketiga-tiga kes khulu' yang turut melibatkan pihak-pihak dalam kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* ini dapat diselesaikan dan

kesannya ialah suami telah menarik balik kes dan tidak meneruskan tindakan bagi mensabitkan isteri sebagai *nusyūz*.

Kes lain yang difailkan dan juga merupakan kes terbanyak yang difailkan ialah permohonan perceraian, iaitu melibatkan 29 kes atau mewakili 64.4% pihak yang mempunyai kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* turut memfailkan permohonan perceraian. Daripada jumlah ini, 24 kes telah diluluskan permohonan oleh mahkamah, iaitu pihak-pihak bercerai dengan persetujuan bersama dan dengan kebenaran mahkamah. Sementara itu, lima kes lagi berstatus tarik balik. Selain kes-kes tersebut, kes Tuntutan Isteri Taat juga ada difailkan oleh suami terhadap isteri dan hanya dua kes yang difailkan. Status bagi kedua-dua kes adalah tarik balik kes.

Jadual 4.15 : Tindakan sebelum memulakan prosiding ini

Tindakan	Bilangan Kes	Peratus (%)
Aduan di Unit Rundingcara Keluarga JAWI	9	20.0
Aduan bagi kes jenayah di Unit Penguatkuasaan JAWI	2	4.4
Terus failkan kes ke MSWP KL	34	75.6
	45	100

Sumber : Fail Kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* dari 2004 hingga 2009

Terdapat beberapa tindakan sebelum memulakan prosiding dalam persoalan sabitan *nusyuz* ke mahkamah syariah dan antaranya adalah dengan melibatkan jabatan agama Islam. Dalam 45 kes yang diakses fail kes, terdapat beberapa kaedah yang telah dilakukan oleh Plaintiff atau suami sebelum memulakan prosiding kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* di MRSWP Kuala Lumpur.

Pertamanya adalah melalui aduan rumah tangga di Unit Rundingcara Keluarga di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) iaitu sebanyak sembilan kes atau diwakili 20% yang dimulakan dengan suami membuat aduan di unit ini. Sementara itu, hanya dua kes pula melibatkan suami membuat aduan di Unit Penguatkuasaan JAWI sebelum dibawa kepada mahkamah. 75.6% atau 34 kes, iaitu baki keseluruhan fail yang

diakses menunjukkan bahawa suami atau Plaintiff dalam prosiding ini terus membawa kepada pengetahuan mahkamah dalam suatu prosiding Tuntutan Sabitan *Nusyūz*.

4.4.3 Maklumat Fail Kes

Kajian ke atas 45 fail kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* di MRSWP Kuala Lumpur menunjukkan bahawa terdapat beberapa intipati penting berkenaan pensabitan isteri *nusyūz*. Antaranya adalah tempoh keadaan rumah tangga pasangan bermasalah dan tanda-tanda isteri *nusyūz* sama ada dari segi perkataan atau perbuatan. Selain itu, perincian dalam maklumat fail kes juga difokuskan dalam aspek tindakan yang telah diambil oleh suami bagi mengatasi isteri *nusyūz* dan juga keberkesanannya.

Jenis Perintah yang dipohon oleh suami selaku Plaintiff juga dapat dikenalpasti di samping maklumat berkenaan dokumen sokongan yang dibawa ke hadapan mahkamah sebagai pembuktian. Kajian fail kes ini juga menjalankan analisis dari aspek penyampaian saman dan juga pliding yang melengkapkan fail kes ini termasuklah Penyata Pembelaan, Jawapan Kepada Pembelaan dan juga Hujahan Bertulis.

Setiap kes yang didaftarkan hendaklah difailkan bersama Penyata Tuntutan Plaintiff ke atas Defendan. Antara maklumat yang diperolehi daripada Penyata Tuntutan tersebut adalah berkenaan tempoh keadaan rumah tangga dalam keadaan bermasalah.

Jadual 4.16 : Tempoh keadaan rumah tangga bermasalah

Tempoh	Bilangan Kes	Peratus (%)
Kurang daripada setahun	2	4.4
1 tahun hingga 3 tahun	14	31.1
3 tahun hingga 6 tahun	4	8.9
6 tahun hingga 9 tahun	3	6.7
9 tahun hingga 12 tahun	3	6.7
12 tahun hingga 15 tahun	1	2.2
Lebih daripada 15 tahun	1	2.2
Sejak dari awal perkahwinan	14	31.1
Tiada Maklumat	3	6.7
	45	100

Sumber : Fail Kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* dari 2004 hingga 2009

Data yang diperoleh ini adalah dikira dari tahun rumah tangga pihak-pihak mempunyai masalah sehinggalah kes ini didaftarkan. Contohnya bagi kes yang difailkan pada 2004, Plaintif menyatakan dalam Penyata Tuntutan bahawa Plaintif dan Defendan berkahwin pada tahun 1995 dan di awal perkahwinan sehingga tahun 2000, rumah tangga dalam keadaan aman dan damai. Maklumat berkenaan masa rumah tangga mula bermasalah juga dinyatakan, iaitu bermula dari 2001. Oleh itu, tempoh keadaan rumah tangga bermasalah adalah pada 2001 sehingga kes difailkan pada 2004, iaitu 3 tahun.

Sebanyak 14 kes atau 31.1% kes melibatkan tempoh rumah tangga bermasalah sejak dari awal perkahwinan dan jumlah yang sama juga mewakili tempoh 1 tahun hingga 3 tahun. Sementara itu, terdapat perkahwinan yang masih bertahan walaupun rumah tangga bermasalah dalam tempoh melebihi 15 tahun, iaitu sebanyak satu kes, satu kes juga bagi 12 tahun hingga 15 tahun dan dua kes lagi melibatkan tempoh kurang daripada setahun.

Oleh demikian, keadaan di atas menunjukkan bahawa di awal perkahwinan merupakan tempoh yang memberikan cabaran kepada pasangan yang berkahwin dalam mengemudi rumah tangga mereka. 28 kes atau 62% kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* yang didaftarkan adalah melibatkan pasangan yang baru mendirikan rumah tangga dalam tempoh enam tahun. Setiap isteri dan suami hendaklah memainkan peranan terbaik masing-masing dalam melaksanakan tanggungjawab.

Seterusnya adalah tanda-tanda isteri *nusyūz*, iaitu sama ada dari perbuatan atau perkataan.

Jadual 4.17: Tanda-tanda Isteri *Nusyūz*

Tindakan	Bilangan Kes	Peratus (%)
Perbuatan sahaja	23	51.1
Perkataan dan Perbuatan	22	48.9
	45	100

Sumber : Fail Kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* dari 2004 hingga 2009

Data yang diperoleh menunjukkan bahawa daripada 45 fail kes yang diakses, 23 kes atau 51.1% kes adalah melibatkan isteri yang berlaku *nusyūz* dari segi perbuatan dan tiada kes yang melibatkan tanda-tanda *nusyūz* hanya dengan perkataan. Sementara itu bagi *nusyūz* melalui kedua-dua perkataan dan perbuatan pula menunjukkan 22 kes atau 48.9% kes yang diakses.

Jadual 4.18: Tanda-tanda isteri *nusyūz* melalui perkataan

Tindakan	Bilangan Kes	Peratus (%)
Bercakap kasar dan memaki	17	37.8
Memburuk-burukkan suami	13	28.9
Menghina suami	13	28.9
Lain-lain	13	28.9

Sumber : Fail Kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* dari 2004 hingga 2009

Tanda-tanda isteri yang *nusyūz* melalui perkataan disenaraikan beberapa tindakan dan termasuklah bercakap kasar. Hasil soal selidik fail kes tersebut menunjukkan bahawa 17 kes atau 37.8% adalah melibatkan tindakan isteri yang bercakap kasar dengan suami sehingga suami memohon untuk mensabitkan isteri sebagai *nusyūz*. Tindakan lain di samping bercakap kasar adalah seperti memburuk-burukkan suami kepada orang lain, iaitu sebanyak 13 kes atau 28.9% suami menyatakan perkara ini dalam Penyata Tuntutan masing-masing. Sementara itu, bagi tindakan isteri menghina suami, iaitu berlaku *nusyūz* dalam bentuk perkataan ini adalah sebanyak 13 kes atau 28.9% daripada keseluruhan kes.

Plaintif dalam kes mal : 14002-058-0444-2009²⁴ pula menyatakan bahawa Defendan acapkali bersikap buruk dan sering memaki hamun dan menggunakan kata-kata kesat bagi menjatuhkan maruah Plaintif sebagai suami. Tindakan yang sama juga diutarakan oleh Plaintif sebagai alasan dalam tuntutannya dalam kes mal : 14002-058-0299-2008²⁵, iaitu Defendan akan mengamuk dan mengeluarkan kata-kata kesat yang menyakitkan hati Plaintif jika ditegur dan dinasihati oleh Plaintif sebagai suami.

²⁴ Mohamad Noor b. Harun lwn. Herlin bt. Mohd. Ali.

²⁵ Faizal b. Ayob lwn. Nur Adibah bt. Abd. Wahab.

Sementara itu, tindakan isteri mengeluarkan perkata-perkataan yang tidak sewajarnya kepada suami juga menjadi asas tuntutan Plaintiff dalam kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz*. Dalam kes mal : 14005-058-0501-2008²⁶, melalui Penyata Tuntutannya Plaintiff menyatakan alasan tuntutan bagi mensabitkan isterinya sebagai *nusyūz* adalah atas tindakan isterinya (Defendan) memakinya dengan perkataan yang kesat seperti “*Pukima Engkau*” dan “*Haram jadah*” di kawasan pos pengawal “B” Bukit Aman yang terdapat beberapa orang awam dan pegawai polis ketika itu.

Penyata Tuntutan Plaintiff di Perenggan 11 bagi kes mal : 14001-058-0788-2005²⁷ pula Plaintiff menyatakan bahawa Defendan sering membalas nasihat dan kata-kata Plaintiff dengan nada yang keras dan tinggi. Defendan juga pernah mengatakan “*babi*”, “*setan*”, “*orang tak suka sudahlah*”, “*kau ingat jadi laki aku kau boleh buat apa kau suka*” dan “*aku takkan biarkan kau sentuh diri aku*” kepada Plaintiff.

Secara keseluruhannya, antara tindakan-tindakan yang dinyatakan oleh suami dalam Penyata Tuntutan bagi mensabitkan isteri sebagai *nusyūz* adalah seperti isteri berbohong, menyakiti hati suami, mencarut, isteri melawan cakap suami, memfitnah, menengking, memaki, mengugut, memalukan suami dan menuduh suami tanpa asas yang patut.

Jadual 4.19 : Tanda-tanda isteri *nusyūz* melalui perbuatan

Tindakan	Bilangan Kes	Peratus (%)
Enggan melayani nafkah batin suami	10	22.2
Keluar daripada rumah tanpa kebenaran	41	91.1
Mengkhianati dan tidak menjaga amanah suami	11	24.4
Isteri menjalinkan kelakuan curang	18	40.0
Lain-lain	27	60.0

Sumber : Fail Kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* dari 2004 hingga 2009

²⁶ Ak. Shahiful Rizal b. Aw. Patra lwn. Nurulhuda bt. Wanchee.

²⁷ Mohd. Nizam b. Mahat@Saad lwn. Rabiyahtul Adawiyah bt. Mohamed.

Sementara itu, berdasarkan Penyata Tuntutan, tanda-tanda isteri yang berlaku *nusyūz* melalui perbuatan menunjukkan bahawa 10 kes atau 22.2% ada menyatakan bahawa sebab tuntutan untuk mensabitkan isteri sebagai *nusyūz* adalah disebabkan isteri enggan untuk menunaikan ajakan suami untuk berhubungan kelamin manakala bakinya, iaitu 35 kes lagi tidak menyatakan perkara ini.

Dalam kes mal : 14001-058-0788-2005²⁸, Plaintiff mendakwa bahawa isterinya, Defendan telah berlaku *nusyūz* dari perbuatan kerana melarang keras daripada dirinya disentuh dan telah tetap menolak untuk bersama atau mengadakan hubungan kelamin. Defendan seringkali memberikan pelbagai alasan yang tidak munasabah untuk mengadakan hubungan kelamin walaupun oleh Plaintiff dan keadaan tersebut berterusan dari sejak berkahwin pada 5hb. Jun, 2004 hingga kes ini difailkan pada 25hb. November, 2005. Alasan Defendan ialah perkahwinan mereka atas paksaan ibu bapa Defendan dan Defendan masih ingin hidup bebas bersama kawan-kawan.

Sementara itu, dalam kes mal :14004-058-0096-2007²⁹ juga Plaintiff mendakwa antara lain bahawa Defendan enggan melayani nafkah batin Plaintiff, iaitu :-

“Akhir-akhir ini Defendan telah tidak melayani nafkah batin kepada Plaintiff tanpa sebab-sebab yang sah sedangkan untuk pihak ketiga/luar Defendan sanggup meninggalkan Plaintiff dan mengejar-ngejarkan pihak kemahuannya.”

“Defendan telah bermasam muka dan telah meninggalkan tempat tidur yang disediakan oleh Plaintiff untuk menyakitkan hati Plaintiff dan memuaskan kehendak hatinya.”

“Defendan juga seringkali memburuk-burukkan Plaintiff dan sering menceritakan masalah di tempat tidur kepada pihak-pihak ketiga

²⁸ *Ibid.*,

²⁹ Haji Aziz @ Abdul Aziz b. Haji Tahir lwn. Norpisah bt. Tahir.

termasuk kepada Aswad dan menyatakan bahawa Plaintiff telah tidak mampu melayani nafkah batinnya.”

Defenden dalam kes mal : 14002-058-1287-2008³⁰ pula didakwa oleh Plaintiff berlaku *nusyūz* disebabkan tindakan Defendan yang sering menolak untuk melakukan hubungan suami isteri bersama Plaintiff. Hampir satu tahun Defendan tidak bersama dengan Plaintiff dan Plaintiff menyatakan bahawa defendan adalah seorang isteri yang tidak mempunyai perasaan belas kasihan terhadap suaminya.

Selain contoh kes-kes di atas, contoh lain asas Tuntutan Sabitan *Nusyūz* adalah disebabkan keengganan isteri menunaikan hak batin suami adalah seperti tindakan isteri menjauhkan diri dari Plaintiff, tidak mahu tidur bersama Plaintiff dan tidak melayan kehendak batin Plaintiff dengan memberikan pelbagai alasan.³¹ Defendan juga telah tidak menunaikan tanpa sebab yang munasabah kewajipan perkahwinan, iaitu nafkah batin kepada Plaintiff sejak Mei, 2007 sehingga kes ini difailkan pada Jun, 2008³². Sementara itu, dalam kes mal : 14002-058-0891-2009³³, Plaintiff menyatakan di dalam penyata Tuntutannya bahawa Defendan pernah mengakui bahawa semasa melakukan hubungan suami isteri dengan Plaintiff, Defendan merasakan sedang melakukan hubungan dengan orang lain.

Dalam tindakan isteri keluar daripada rumah kelamin yang disediakan oleh suami tanpa kebenaran, iaitu sebanyak 41 kes daripada 45 kes, iaitu mencecah 91.1% kes yang dirujuk suami menyatakan bahawa isteri telah bertindak sedemikian. Situasi ini boleh dikelompokkan kepada dua keadaan, iaitu, pertama : isteri selalu keluar rumah tanpa izin dan/atau tidak memaklumkan kepada suami. Kedua : isteri terus keluar rumah dan tidak kembali ke rumah kelamin. Secara keseluruhannya, 91.1% kedua-dua

³⁰ Abdul Halim Hassan b. Sabtu lwn. Siti Ruzaidah bt. Baada.

³¹ Kes Mal ; 14002-058-0299-2008 : Faizal b. Ayob lwn. Nur Adibah bt. Abd. Wahab; Kes Mal ; 14002-058-0199-2009 : Mohamad Puzi b. Md. Annuar lwn. Norhasmiza bt. Mohd. Pahani.

³² Kes Mal : 14003-058-0415-2008 : Kordy b. Salleh lwn. Rosmah bt. Nordin.

³³ Kes Mal : 14002-058-0891-2009 : Abdul Sani b. Ahmad lwn. Jazimah bt. Mohd. Noor.

tindakan ini dilakukan dan baki 4 kes ialah dalam keadaan suami yang keluar dari rumah³⁴ atau pihak-pihak telah bercerai³⁵.

Pertama; isteri selalu keluar rumah tanpa izin dan/atau tidak memaklumkan kepada suami. Antara kes yang melibatkan perkara ini sebagai alasan pensabitan isteri *nusyūz* ialah dengan menyatakan bahawa Defendan suka keluar malam tanpa memberitahu dan tanpa mendapat izin dari Plaintiff³⁶, dan pulang tidak tentu masa serta tidak mohon maaf kepada suami³⁷ atas tindakan tersebut.

Dalam keadaan isteri keluar rumah tanpa izin, ada juga suami yang membuat laporan polis atas perkara tersebut berdasarkan tarikh-tarikh isteri keluar rumah tanpa izinnya. Dalam kes mal 14005-058-0097-2006³⁸, Plaintiff menyatakan bahawa Plaintiff berubah sikap dengan suka keluar malam tanpa izinnya sejak April 2004 dan pada 26 Januari, 2006, Defendan telah keluar rumah selama satu malam dan menyebabkan suami membuat laporan polis. Demikian juga dengan tarikh 25 Januari, 2006 dan 18 Februari, 2006, tindakan Defendan yang tidak balik ke rumah menyebabkan Plaintiff membuat laporan polis. Situasi yang sama juga apabila Defendan tidak pulang ke rumah selama tiga hari dua malam tanpa pengetahuan dan kebenaran Plaintiff³⁹.

Setelah isteri keluar rumah, ada suami yang bertindak mendapatkan semula isterinya dengan pelbagai cara dan termasuklah cuba menghubungi isteri seperti dalam kes mal : 14002-058-0299-2008, Plaintiff menghubungi Defendan, namun Defendan akan mematikan telefon. Seterusnya jika Plaintiff menghantar SMS, Defendan akan menjawab SMS tersebut dengan menyatakan bahawa tidak akan balik dan perkara ini

³⁴ Kes Mal 14002-058-1287-2008 : Abdul Halim Hassan b. Sabtu lwn. Siti Ruzaidah bt. Baada. Plaintiff dalam Penyata Tuntutannya menyatakan bahawa Plaintiff telah keluar rumah dan tinggal bersama keluarga dan tidak bersama Defendan lagi. Alasan tindakannya ialah Plaintiff berasa tidak tahan untuk tinggal dengan Defendan yang tidak menghormatinya dan tidak mahu dikatakan sebagai suami yang dayus.

³⁵ Kes Mal : 14005-058-0336-2007 : Ramlee b. Ismail lwn. Masuah bt. Hj. Abd. Rashid.

³⁶ Kes Mal : 14002-058-0118-2004 : Don Yazid b. Mohamed Noor lwn. Marlina bte. Ahmad; Kes Mal 14001-058-0209-2008 : Jowhar Ali b. MK Mohamed Ishack lwn. Salimah bt. Ameer Hamzah

³⁷ Kes Mal : 14003-058-0121-2004 : Mohd. Noor b. Mat Salleh lwn. Rohayu bt. Abdul Rahman.

³⁸ Mohd. Nizam b. Abdul Malik lwn. Fauziah bt. Mohd. Isa.

³⁹ Kes Mal : 14004-058-0348-2007 : Mohamed Napi b. Mohd. Zin lwn. Aznah bt. Sidek.

berlaku berulang kali⁴⁰. Namun, tidak dinafikan bahawa ada isteri yang kembali ke rumah suami setelah keluar rumah dan permasalahan dengan suami dapat diselesaikan dengan baik⁴¹.

Kedua; isteri terus keluar rumah dan tidak kembali ke rumah kelamin dan tindakan ini dilakukan oleh isteri dalam kebanyakan kes yang diakses. Setelah meninggalkan rumah sama ada isteri balik ke rumah ibu bapanya⁴², rumah saudara⁴³, keluarga angkat⁴⁴ mahupun tinggal bersendirian⁴⁵. Namun, ada juga kes yang melibatkan Plaintiff gagal menjejaki Defendan.⁴⁶

11 kes atau 23.4% isteri mengkhianati suami dan tidak menjaga amanah suami dan antaranya ialah dengan tindakan membelanjakan wang suami untuk menambah kredit telefon lelaki lain yang bukan muhrim dalam menjalinkan hubungan dengan lelaki tersebut⁴⁷. Tindakan lain isteri ialah seperti dalam kes mal :14001-058-0209-2008, iaitu Plaintiff menyatakan bahawa Defendan mengambil harta Plaintiff tanpa kebenaran dan redha Plaintiff, iaitu barang kemas sebanyak 200gram dan wang tunai RM 2,000.00.

Selain barangan fizikal, ada juga tindakan isteri yang menyebabkan suami berasa dikhianati dan memberi kesan kepada Plaintiff dari aspek akses kehartaan. Antaranya melalui tindakan Defendan menyebabkan nama Plaintiff disenaraihitamkan dan dilarang

⁴⁰ Lihat Kes Mal : 14002-058-1211-2008 : Hamdan b. Puteh lwn. Hamiah bt. Maran; Kes Mal : 14003-058-0835-2008 : Rusman b. Hassan lwn. Samsiah bt. Husain; dan Kes mal : 14005-058-0227-2008 : Ak. Shahiful Rizal b. Aw. Patra lwn. Nurulhuda bt. Wanchee.

⁴¹ Kes Mal : 14003-058-1284-2008 : Basri b. Othman lwn. Zabidah bt. Mod. Tan.

⁴² Kes Mal : 14003-058-0030-2006 : Mohd. Nizam b. Abdul Malik lwn. Fauziah bt. Mohd. Isa; Kes Mal : 14001-058-0426-2007; Kes Mal : 14002-058-1244-2008 : Saiful Rahim b. Mat Hussin lwn. Hafizahhanim bt. Mohd. Hamdan; Kes Mal : 14002-058-0635-2008 : Norhisham b. Monil @ Aya lwn. Hazlina bt. Yassin; Kes Mal : 14003-058-0733-2008 : Mohd. Izwan b. Yaacob lwn. Norazlina bt. Kamal Aziz; Kes Mal : 14003-058-0518-2008 : Wan Ayob Shah b. Wan Saharudin lwn. Rosnak bt. Abdul Rahman

⁴³ Kes Mal : 14001-058-0788-2005 : Mohd. Nizam b. Mahat@Saad lwn. Rabiyahtul Adawiyah bt. Mohamed; Kes Mal : 14002-058-0516-2008 : Mohd. Sofian b. Baharin lwn. Rahayu bt. Ramli.

⁴⁴ Kes Mal : 14002-058-0001-2004 : Ahmad Fouzi b. mansor lwn. Norhafizah bte Ahmad

⁴⁵ Kes Mal : 14002-058-0033-2009 : Mohamad Shahrul b. Mustafa lwn. Norazila bt. Abdul Manap.

⁴⁶ Kes Mal : 14002-058-0299-2008 : Faizal b. Ayob lwn. Nur Adibah bt. Abd Wahab; Kes Mal 14003-058-1284-2008 : Bari b. Othman lwn. Zabidah bt. Mohd. Tan; Kes Mal : 14002-058-0875-2008 : Norhisham Hori b. Abdullah lwn. Zarina bt. Zainal Abidin

⁴⁷ Kes Mal : 14003-058-0121-2004 : Mohd. Noor b. Mat Salleh lwn. Rohayu bt. Abdul Rahman.

untuk membuat apa-apa perjanjian pinjaman kerana Defendan telah menyebabkan kereta Naza Citra WMT 6464 ditarik oleh pihak bank sedangkan Plaintiff sendiri adalah penjamin bagi kereta tersebut⁴⁸. Di samping itu, tindakan isteri melupus, merosakkan dan mengambil barangan suami tanpa izin suami tu menjadi antara alasan bagi suami mendapatkan pensabitan *nusyūz* ke atas isteri.⁴⁹

Sementara itu, isteri yang berkelakuan curang dengan lelaki lain, sebanyak 18 kes atau 40% suami ingin mensabitkan isteri sebagai *nusyūz* disebabkan isteri yang curang atau menjalinkan hubungan dengan lelaki lain. Perkara ini pula dapat dikelompokkan kepada dua keadaan iaitu dakwaan suami ke atas isteri berlaku curang dan mempunyai hubungan dengan lelaki lain dengan suami tahu lelaki tersebut⁵⁰. Keadaan kedua ialah dakwaan suami tanpa suami tahu atau menyebut nama lelaki tersebut di dalam Penyata Tuntutan⁵¹. Sementara itu, dalam kes mal : 14002-058-0918-2008⁵² pula, Defendan telah ditangkap oleh Pegawai Penguatkuasa Agama Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) atas tindakan berkhawat dengan teman lelaki Defendan.

Selain tindakan-tindakan yang telah disebutkan di atas, alasan suami bagi mensabitkan isterinya sebagai *nusyūz* melalui kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* yang

⁴⁸ Kes Mal : 14002-058-0635-2008 : Norhisham b. Monil @ Aya lwn. Hazlina bt. Yassin.

⁴⁹ Kes Mal : 14003-058-0501-2008; Kes Mal : 14005-058-0227-2008 : Ak. Shahiful Rizal b. Aw. Patra lwn. Nurulhuda bt. Wanchee.

⁵⁰ Kes Mal : 14002-058-0001-2004 : Ahmad Fouzi b. Mansor lwn. Norhafizah bte Ahmad; Kes Mal : 14003-058-0121-2004 : Mohd. Noor b. Mat Salleh lwn. Rohayu bt. Abdul Rahman; Kes Mal : 14004-058-0348-2007 : Mohamed Napi b. Mohd. Zin lwn. Aznah bt. Sidek; Kes Mal : 14004-058-0505-2007 : Rafiq Muhammad b. Abd Rauf lwn. Intan Suraya Maulad Abdul Rahim; 14004-058-0096-2007 : Haji Aziz @ Abdul Aziz b. Haji Tahir lwn. Norpisah bt. Tahir; Kes Mal : 14002-058-1112-2008 : Ghazali b. Ahmad lwn. Lahong bt. Jaduli; dan Kes Mal : 14003-058-1092-2008 : Sharizan b. Suboh lwn. Lili Rosnani bt. Ramli;

⁵¹ Kes Mal : 14003-058-0030-2006 : Mohd. Nizam b. Abdul Malik lwn. Fauziah bt. Mohd. Isa; Kes Mal : 14002-058-0918-2008 : Norazam Shah b. Khairudin lwn. Hartini bt. Rahim; Kes Mal : 14001-058-0345-2008 : Johan Ariff b. Ghazali lwn. Siti Noor Farhana bt. Zaipul Bahari; Kes Mal : 14002-058-1243-2008 : Yusri b. Ibrahim lwn. Fauziah bt. Nor; Kes Mal : 14002-058-1566-2009 : Ervin Ahbabovic lwn. Amalya Evelyn bt. Abdullah; Kes Mal : : 14003-058-0262-2009 : Mohd. Farez Hezri b. Mohamed Idris lwn. Suriati bt. Ibrahim; Kes Mal : : 14003-058-0584-2009 : Muhammad Ismail b. Mustafa Kamal lwn. Noor Hidayu bt. Ahmad Termizi; Kes Mal : 14002-058-0891-2009 : Abdul Sani b. Ahmad lwn. Jazimah bt. Mohd. Noor; Kes Mal : : 14002-058-0444-2009 : Mohamad Noor b. Harun lwn. Herlin bt. Mohd. Ali; dan Kes Mal : 14002-058-1493-2009 : Mohd. Nasir b. Sabri Soh lwn. Nur Syamimi bt. Salim.

⁵² Norazam Shah b. Khairudin lwn. Hartini b. Rahim.

difailkan di MRSWP Kuala Lumpur sepanjang tahun 2004 hingga 2009 ialah atas beberapa keengganan isteri. Antaranya ialah isteri enggan untuk ikut suami berpindah ke rumah kediaman yang disediakan⁵³ dan enggan menerima nafkah yang diberikan oleh suami sebagai tanggungjawabnya. Dalam kes : 14005-058-0338-2007⁵⁴, Plaintiff menyatakan bahawa Defendan enggan untuk mengikutnya berpindah ke rumah yang disediakan di Kampung Dato' Keramat, Kuala Lumpur tanpa alasan yang munasabah sehinggakan Plaintiff terpaksa mengeluarkan surat amaran kepada Defendan.

Di samping itu, dalam kes lain, keengganan isteri untuk mengikut suami berlaku selepas isteri melahirkan anak dan berpantang di rumah ibu bapanya⁵⁵. Lebih menyedihkan, ada kes yang melibatkan tindakan isteri melahirkan anak tanpa memberitahu kepada suami mengenai keadaan tersebut dengan tujuan menyembunyikan kelahiran anak daripada suami.⁵⁶ Keengganan isteri menerima nafkah daripada suami secara sengaja juga menjadi asas tuntutan dalam kes pensabitan isteri *nusyūz* ini dan menurut Plaintiff, tindakan ini dibuat oleh Defendan semata-mata untuk mensabitkan bahawa Plaintiff telah gagal menyediakan nafkah yang mencukupi kepada Defendan⁵⁷.

Kekasaran dalam rumahtangga bukan sahaja melibatkan perbuatan di pihak suami ke atas isteri, malah situasi kini juga berlaku sebaliknya. Perkara ini juga ditimbulkan oleh Plaintiff dalam tuntutan pensabitan isteri sebagai *nusyūz* dan melibatkan 7 kes atau 15.6% secara keseluruhannya atas pelbagai tindakan memukul atau mencederakan Plaintiff⁵⁸.

⁵³ Kes Mal : 14001-058-0345-2008 : Johan Ariff b. Ghazali lwn. Siti Noor Farhana bt. Zaipul Bahari; Kes Mal 14001-058-0209-2008 : Jowhar Ali b. MK Mohamed Ishack lwn. Salimah bt. Ameer Hamzah; Kes Mal : 14002-058-0635-2008 : Norhisham b. Monil@ Aya lwn. Hazlina bt. Yassin; Kes Mal : 14001-058-0489-2008 : Mohd. Yussafri b. Mohd. Yusof lwn. Rogayah bt. Saidi; dan Kes Mal : 14003-058-0104-2008 : Md. Aszerul Nizam b. Abdullah lwn. Intan Shahira bt. Mohd. Shahrū.

⁵⁴ Ramlee b. Ismail lwn. Masuah bt. Hj. Abd Rashid.

⁵⁵ Kes Mal : 14005-058-0097-2006 : Sharazi b. Ismail lwn. Raihan bt. Tahir; dan Kes Mal : 14003-058-0733-2008 : Mohd. Izwan b. Yaacob lwn. Norazlina bt. Kamal Aziz.

⁵⁶ Kes Mal : 14002-058-0635-2008 : Norhisham b. Monil@ya lwn. Hazlina bt. Yassin.

⁵⁷ Kes Mal : 14002-058-1112-2008 : Ghazali b. Ahmad lwn. Lahong bt. Jaduli.

⁵⁸ Kes Mal : 14003-058-0501-2008 : Raja Dato' Azwane b. Raja Arif lwn. Datin Norleila bt. Abdul Rahman.

Plaintif dalam kes : 14002-058-0910-2009⁵⁹ menyatakan bahawa Defendan sering melakukan kekasaran terhadap Plaintif sehinggakan Defendan pernah memukul Plaintif dengan menggunakan kayu congkak dan menyebabkan kecederaan Plaintif di bahagian dahi. Plaintif juga telah membuat laporan polis dan mendapatkan rawatan atas kecederaan tersebut. Selain itu, antara medium yang digunakan oleh isteri dalam bertindak kasar terhadap suami adalah dengan menggunakan penyapu⁶⁰ topi keledar⁶¹, b.gkai gambar⁶² dan pisau⁶³. Menurut Penyata Tuntutan kes-kes yang diakses ini juga, ada Defendan telah bertindak menyerang dan menumbuk Plaintif di khalayak ramai⁶⁴ dan juga mencakar muka dan menggigit leher Plaintif.⁶⁵

Selain itu, berdasarkan Penyata Tuntutan Plaintif juga, alasan tuntutan mensabitkan isteri sebagai *nusyūz* ialah isteri telah melanggar perintah agama dan tidak menerima teguran dan nasihat Plaintif atas tindakan tersebut. Antaranya ialah tabiat Defendan yang suka berjudi⁶⁶ dan tindakan Defendan yang tidak lagi memakai tudung bagi menjaga auratnya⁶⁷. Suami juga menyatakan kekecewaannya atas tindakan isteri yang pergi menunaikan ibadah umrah tanpa mendapat restu dan izin daripadanya⁶⁸. Alasan-alasan lain dalam tuntutan suami juga ialah ugutan daripada isteri untuk membunuh diri⁶⁹ dan keluar daripada agama Islam⁷⁰.

Seterusnya adalah berkenaan tindakan suami bagi mengatasi isteri *nusyūz*, iaitu sama ada tindakan memberi nasihat dengan baik, pemuluan tempat tidur dan memukul tanpa menyakiti telah dilaksanakan sebelum memfailkan kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz*

⁵⁹ Sazali b. Marrof lwn. Anita bt. Mustapa.

⁶⁰ Kes Mal : 14003-058-0518-2008 : Wan Ayob b. Wan Saharudin lwn. Rosnah bt. Abdul Rahman.

⁶¹ Kes Mal : 14003-058-0262-2009 : Mohd. Farez b. Mohamed Idris lwn. Suriati bt. Ibrahim.

⁶² Kes Mal : : 14001-058-0788-2005 : Mohd. Nizam b. Mahat @ Saad lwn. Rabiyahtul Adawiyah bt. Mohamed.

⁶³ Kes Mal : 14002-058-0299-2008 : Faizal b. Ayob lwn. Nur Adibah bt. Abd Wahab.

⁶⁴ Kes Mal : 14001-058-0345-2008 : Johan Ariff b. Ghazali lwn. Siti Noor Farhana bt. Zaipul Bahari.

⁶⁵ Kes Mal : 14004-058-0096-2007 : Haji Aziz @ Abdul Aziz b. haji Tahir lwn Norpisah bt. Tahir.

⁶⁶ Kes Mal : : 14002-058-0444-2009 : Mohamad Noor b. Harun lwn. Herlin bt. Mohd. Ali.

⁶⁷ Kes Mal : 14002-058-0001-2004 : Ahmad Fouzi b. Mansor lwn. Norhafizah bte Ahmad.

⁶⁸ Kes Mal 14001-058-0209-2008 : Jowhar Ali b. MK Mohamed Ishack lwn. Salimah bt. Ameer Hamzah.

⁶⁹ Kes Mal : 14002-058-1112-2008 : Ghazali b. Ahmad lwn. Lahong bt. Jaduli.; dan Kes Mal : 14002-058-1566-2009 : Ervin Ahbabovic lwn. Amalya Evelyn bt. Abdullah

⁷⁰ Kes Mal : 14002-058-1112-2008, Ibid.,

di mahkamah. Selain itu, sekiranya tindakan-tindakan tersebut telah diambil, adakah dapat memberikan kesan positif atau mengembalikan ketaatan isteri terhadap suami. Justeru, keberkesanan tindakan tersebut juga dikenalpasti dan dianalisis sewajarnya.

Jadual 4.20: Tindakan suami bagi mengatasi isteri *nusyūz*

Tindakan	Bilangan Kes	Keberkesanan			
		Ya		Tidak	
		Bil.	%	Bil.	%
Memberi nasihat dengan baik	39	0	0	39	100
Pemulauan Tempat Tidur	1	0	0	1	100
Memukul Tanpa Menyakiti	1	0	0	1	100
Lain-lain	26	0	0	26	100

Sumber : Fail Kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* dari 2004 hingga 2009

Oleh demikian, berdasarkan fail kes tersebut, 39 kes, iaitu 86.7% daripada keseluruhan kes ada menyatakan bahawa suami telah mengambil tindakan memberikan nasihat yang baik kepada isteri setelah isteri melakukan tindakan *nusyūz*. Namun, maklum balas yang diberikan berkenaan keberkesanan tindakan suami ini ialah 100% menunjukkan bahawa tindakan ini tidak berkesan dalam mengembalikan ketaatan isteri terhadap suaminya.

Selanjutnya adalah mengenai tindakan pemulauan isteri di tempat tidur sebagai langkah kedua setelah langkah pertama memberikan nasihat tidak memberikan hasil positif. Hasil kajian menunjukkan bahawa hanya dalam 1 kes sahaja tindakan ini diambil oleh suami dan demikian juga dengan tindakan memberi pukulan yang tidak menyakitkan dengan tujuan untuk mendidik terhadap isteri yang *nusyūz*.

Selain daripada 3 cara yang telah digariskan oleh Syarak, terdapat juga kaedah lain yang digunakan oleh suami dan ada dinyatakan di dalam Penyata Tuntutan. Antaranya adalah dengan membuat aduan masalah rumah tangga di Jabatan Agama Islam, memujuk isteri dan juga menjadikan keluarga sebagai orang tengah untuk membolehkan Defendan kembali kepada Plaintif. Namun, kesemua tindakan suami tersebut tidak memberi kesan positif dalam memulihkan hubungan suami isteri.

Jadual 4.21: Suami telah melaksanakan tanggungjawab

Tanggungjawab suami telah dilaksanakan	Bilangan Kes	Peratus (%)
Dinyatakan	29	64.4
Tidak Dinyatakan	16	35.6

Sumber : Fail Kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* dari 2004 hingga 2009

Tindakan yang sewajarnya diambil oleh suami bagi mengatasi isteri *nusyūz* tidak hanya berkaitan dengan isteri sahaja, malah suami juga perlu memastikan bahawa segala tanggungjawabnya sebagai suami telah dilaksanakan. Data yang diperoleh menunjukkan bahawa 29 suami atau 64.4% suami telah berikrar di dalam Penyata Tuntutan masing-masing bahawa telah melaksanakan tanggungjawab, khasnya dalam pemberian nafkah.

Sementara itu, berkenaan Perintah yang dipohon oleh Plaintiff dalam tuntutannya, tidak semua suami memohon kepada Mahkamah agar hanya mensabitkan isterinya *nusyūz* di akhir prosiding kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* ini.

Jadual 4.22 : Perintah yang dipohon oleh Plaintiff

Perintah yang dipohon	Bilangan Kes	Peratus (%)
Mahkamah mengisytiharkan Defendan sebagai <i>nusyūz</i>	37	82.2
Defendan kembali taat kepada Plaintiff, jika gagal, Mahkamah mengisytiharkan Defendan <i>nusyūz</i>	5	11.1
Mahkamah mensabitkan Defendan sebagai <i>nusyūz</i> dan Defendan kembali taat kepada Plaintiff	3	6.7
	45	100

Sumber : Fail Kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* dari 2004 hingga 2009

Dalam perkara ini, 37 kes atau mewakili 82.2% suami yang memfailkan kes ini adalah bertujuan bagi mensabitkan isterinya *nusyūz*.⁷¹, namun baki 8 kes pula menunjukkan Plaintiff memohon kepada Mahkamah agar mengeluarkan Perintah yang

⁷¹ Satu kes melibatkan tuntutan pensabitkan *nusyūz* terhadap isteri dalam tempoh 'iddah, melalui Kes Mal : 14005-058-0335-2007.

bersifat dua dalam satu. Maksud penulis ialah Defendan mengemukakan kepada Mahkamah alternatif dalam tuntutan. Pertama ialah tuntutan agar Defendan kembali taat kepada Plaintiff dan jika Defendan gagal, Mahkamah mengisytiharkan Defendan sebagai *nusyūz*. Keadaan kedua ialah mohon Mahkamah mengeluarkan perintah pensabitan Defendan sebagai *nusyūz* dan Defendan kembali taat kepada Plaintiff.

Setiap tuntutan yang dikemukakan oleh Plaintiff di Mahkamah hendaklah disertakan dengan beberapa dokumen asas dan dokumen sokongan sama ada bagi Plaintiff mahupun Defendan.

Jadual 4.23: Dokumen oleh Plaintiff

Dokumen	Bilangan Kes	Peratus (%)
Kad Pengenalan	45	100.0
Surat Nikah	45	100.0
Laporan Polis	18	40.0
Gambar	4	8.9
Surat Arahan Taat Suami	4	8.9
Lain-lain	9	20.0

Sumber : Fail Kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* dari 2004 hingga 2009

Setiap kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* yang difailkan hendaklah dilampirkan bersama dengan kad pengenalan dan surat nikah dan kedua-dua dokumen ini juga merupakan dokumen wajib yang perlu ada dalam setiap fail kes. Kad pengenalan adalah bagi menentukan bidangkuasa Mahkamah ini berdasarkan alamat pemastautinan Plaintiff manakala surat nikah pula adalah bertujuan menentukan wujudnya suatu perkahwinan bagi tujuan meneruskan kausa tindakan Plaintiff dalam tuntutannya. Kesemua fail yang diakses telah dilengkapi dengan kedua-dua dokumen utama ini.

Dokumen sokongan lain yang ada disertakan termasuklah laporan polis, gambar dan surat arahan taat dari suami kepada isteri. Sebanyak 18 kes yang diakses turut dilampirkan bersama laporan polis yang dibuat oleh suami atau Plaintiff dalam Penyata Tuntutan. Jika diteliti, pelbagai kisah disebalik tindakan Plaintiff membuat laporan polis

dan contohnya Plaintiff dalam Kes Mal : 14004-058-0607-2004⁷² telah membuat laporan polis atas tindakan isterinya, Defendan mengugut untuk membunuhnya setelah Plaintiff mengajak Defendan untuk rujuk. Sementara itu, Kes Mal : 14005-058-0097-2006⁷³ pula menunjukkan Plaintiff membuat laporan polis ekoran tindakan Defendan melarikan diri dari rumah sebanyak dua kali. Laporan polis telah dibuat bagi kedua-dua tindakan Defendan itu.⁷⁴

Sementara itu, dalam Kes Mal : 14004-058-0096-2007⁷⁵ pula, Plaintiff membuat laporan polis atas tindakan Defendan, iaitu isterinya menerkam sambil mencakar muka serta menggigit leher Plaintiff.⁷⁶ Laporan polis dibuat oleh Plaintiff dalam Kes Mal : 14004-058-0505-2007⁷⁷ pula berikutan Plaintiff menerima nota daripada bapa kepada lelaki yang bernama 'Firdaus' dan Plaintiff juga dimaklumkan bahawa isterinya telah lari mengikut lelaki tersebut.

Selain laporan polis, 4 kes yang lain pula turut melampirkan gambar yang menunjukkan kelakuan isteri yang *nusyūz* dan kesemuanya menunjukkan gambar Defendan dengan lelaki lain yang bukan muhrim Defendan. Dalam Kes Mal : 14004-058-0030-2006⁷⁸, Plaintiff telah melampirkan gambar Defendan berpeluk-pelukan dengan lelaki lain. Defendan pula telah menyatakan di dalam Penyata Pembelaannya bahawa gambar tersebut merupakan gambar yang diambil semasa parti di tempat kerja Defendan dan gambar tersebut hanyalah sebagai kenangan dan tidak mempunyai niat untuk melakukan perkara-perkara yang tidak baik.

⁷² Mohamad Faizla b. Mohamad Nazari lwn. Kartina bt. Mohd Noh.

⁷³ Sharazi b. Ismail lwn. Raihan bt. Tahir.

⁷⁴ Fakta yang sama juga dalam Kes Mal : 14002-058-0299-2008; Kes Mal : 14003-058-0518-2008.

⁷⁵ Haji Aziz@Abdul Aziz b. Haji Tahir lwn. Norpisah bt. Tahir.

⁷⁶ Dalam Kes Mal : 14002-058-0910-2009 : Sazali b. Marrof lwn. Anita bt. Mustapa, Plaintiff membuat laporan polis akibat tindakan Defendan memukul Plaintiff dengan kayu congkak sehingga mencederakan Plaintiff; dan dalam Kes Mal : 14003-058-0262-2009 : Mohd Farez Hezri b. Mohamed Idris lwn. Suriati b.tti Ibrahim, laporan polis atas tindakan Defendan memukul Plaintiff dengan topi kaledar.

⁷⁷ Rafiq Muhammad b. Abd Rauf lwn. Intan Suraya Maulad Abdul Rahim.

⁷⁸ Mohd. Nizam b. Abdul Malik lwn. Fauziah bt. Mohd. Isa.

4 kes yang lain pula menunjukkan Plaintiff turut mengemukakan surat arahan taat daripadanya kepada isteri, Defendan. Kes Mal : 14002-058-1566-2009⁷⁹, Plaintiff memberikan surat arahan taat kepada Defendan dengan memerintahkan Defendan untuk kembali hidup bersama Plaintiff dan kembali taat kepada Plaintiff sebagai seorang isteri. Plaintiff juga telah memberikan masa selama tujuh hari daripada tarikh surat tersebut diserahkan kepada Defendan untuk tindakan kembali taat.

Sementara itu, dalam Kes Mal : 14002-058-0635-2008⁸⁰ pula, surat arahan kembali taat dibuat melalui peguam masing-masing, iaitu peguam Plaintiff menghantar surat kepada peguam Defendan berkenaan pemberitahuan untuk kembali hidup bersama sebagai suami isteri dan permohonan melawat anak. Tiada tempoh masa yang diberikan kepada Defendan, namun telah dinyatakan tindakan seberapa segera perlu dilakukan oleh Defendan untuk kembali mentaati Plaintiff sebelum Plaintiff memulakan prosiding selanjutnya. Keadaan berbeza pula dalam Kes Mal : 14001-058-0209-2008⁸¹, iaitu surat arahan taat daripada peguam Plaintiff kepada Defendan berkaitan Notis Kembali Taat. Masa yang diberikan kepada Defendan adalah dalam tempoh tiga hari dari tarikh penerimaan surat tersebut.

Sementara itu, dalam kes keempat yang menunjukkan Plaintiff ada mengemukakan surat arahan taat kepada Defendan ialah dalam Kes Mal : 14004-058-0438-2007⁸², iaitu Plaintiff telah memerintah Defendan tentang empat perkara. Keempat-empat perkara tersebut yang dinyatakan oleh Plaintiff adalah seperti berikut :-

- (i) *Saya membenarkan awak bekerja tetapi harus pulang dan berada di rumah selewat-lewatnya jam 7.30 malam pada setiap hari bekerja.*

⁷⁹ Ervin Ahbabovic lwn. Amalya Evelyn bt. Abdullah.

⁸⁰ Norhisham b. Monil@Aya lwn. Hazlina bt. Yassin.

⁸¹ Jowhar Ali b. MK Mohamed Ishack lwn. Salimah bt. Ameer Hamzah.

⁸² Mohamed Napi b. mohd Zin lwn. Aznah b. Sidek

- (ii) *Awak juga tidak dibenarkan keluar rumah pada mana-mana hari Sabtu, Ahad atau hari-hari cutti umum tanpa persetujuan dan kebenaran terlebih dahulu;*
- (iii) *Saya juga tidak membenarkan awak mempunyai sebarang apa kaitan pekerjaan, business atau peribadi, sama ada berjumpa, menelefon atau bercakap dengan Muhammad Hisham b. Ahmad, No. K/P : 631001-01-5089;*
- (iv) *Saya juga mahukan awak tunaikan tanggungjawab awak sebagai seorang isteri dan ibu kepada empat orang anak.*

Sementara itu, terdapat 9 kes lagi yang turut disertakan dengan dokumen sokongan yang lain selain daripada dokumen tersenarai di atas. Dokumen-dokumen sokongan tersebut adalah berupa aduan suami di Bahagian Pendakwaan⁸³ dan Unit Rundingcara⁸⁴ JAWI dan catatan suami berkenaan tindakan *nusyūz* isteri serta usaha memujuk oleh suami⁸⁵. Dokumen sokongan lain ialah diari cinta isteri dengan lelaki lain⁸⁶, keratan akhbar berkenaan isteri memburuk-burukkan suami⁸⁷ serta nota cinta dan SMS cinta isteri terhadap lelaki lain⁸⁸. Ada juga kes yang Plaintiff turut melampirkan surat Defendan dengan lelaki lain yang mengandungi cerita lucu berbentuk seksual⁸⁹, bil telefon yang menunjukkan Plaintiff selalu menghubungi lelaki lain⁹⁰ dan SMS Defendan terhadap lelaki lain⁹¹.

⁸³ Kes Mal : 14002-058-1566-2009 : Ervin Ahbabovic lwn. Amalya Evelyn bt. Abdullah.

⁸⁴ Kes Mal : 14002-058-0033-2009 : Mohamad Shahrul b. Mustafa lwn. Norazila bt. Abdul Manap.

⁸⁵ Kes Mal : 14005-058-0227-2008 : Ak. Shahiful Rizal b. Aw. Patra lwn. Nurulhuda bt. Wanchee.

⁸⁶ Kes Mal : 14003-058-0501-2008 : Raja Dato' Azwane b. Raja Arif lwn. Datin Norleila bt. Abdul Rahman.

⁸⁷ Kes Mal : 14002-058-1566-2009 : Ervin Ahbabovic lwn. Amalya Evelyn bt. Abdullah.

⁸⁸ Kes Mal : 14004-058-0505-2007 : Rafiq Muhammad b. Abd Rauf lwn. Intan Suraya Maulad bt. Abdul Rahim.

⁸⁹ Kes Mal : 14003-058-0030-2006 : Mohd. Nizam b. Abdul Malik lwn. Fauziah bt. Mohd. Isa.

⁹⁰ Kes Mal : 14002-058-0001-2004 : Ahmad Fouzi b.mansor lwn. Norhafizah bt. Ahmad.

⁹¹ Kes Mal : 14005-058-0336-2007 : Ramlee b. Ismail lwn. Masuah bt. Abd Rashid.

Jadual 4.24 : Penyampaian Saman

Status	Bilangan Kes	Peratus (%)
Sempurna	43	95.6
Tidak Sempurna	2	4.4
	45	100

Sumber : Fail Kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* dari 2004 hingga 2009

Sementara itu, berkenaan penyampaian saman bagi kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* ini, 43 kes atau 95.6% saman telah disempurnakan penyampaiannya dan difailkan Afidavit Penyampaian. Baki 2 kes lagi, saman tidak sempurna kerana tidak dapat disampaikan kepada Defendan.

Jadual 4.25 : Maklumat Daripada Penyata Pembelaan

Status	Bilangan Kes	Peratus (%)
Ya	14	31.1
Tidak	31	68.9
	45	100

Sumber : Fail Kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* dari 2004 hingga 2009

Setelah Penyata Tuntutan difailkan oleh Plaintiff, Defendan pula perlu memfailkan Penyata Pembelaan bagi menjawab isu yang ditimbulkan atau dituntut oleh Plaintiff di dalam Penyata Tuntutan. Daripada 45 kes yang difailkan, hanya 14 kes atau 31.1% sahaja Defendan memfailkan Pembelaan.

Kandungan Penyata Pembelaan mengandungi Perenggan yang dipersetujui faktanya dan juga fakta yang tidak dipersetujui. Antara kandungan lazim bagi kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* adalah alasan isteri melakukan tindakan yang dikatakan *nusyūz* oleh suami dan membawa kepada tuntutan ini difailkan oleh suami.

Jadual 4.26 : Alasan isteri melakukan tindakan yang dikatakan *nusyūz*

Tindakan	Bilangan Kes	Peratus (%)
Plaintif seorang yang panas baran	10	71.4
Suami memukul lebih daripada patut	7	50.0
Plaintif tidak menyediakan rumah yang sesuai	5	
Plaintif tidak menyediakan nafkah	8	
Isteri tidak curang dengan lelaki lain	5	35.7
Plaintif tidak menasihati	4	28.6

Isteri sudah tidak boleh bersama suami	6	42.9
Isteri keluar bekerja	3	21.4
Isteri sudah mengambil tindakan sewajarnya	10	71.4
Lain-lain	8	57.1

Sumber : Fail Kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* dari 2004 hingga 2009

Dalam Penyata Pembelaan yang dimasukkan, 10 kes atau 71.4% Defendan menyatakan di dalam Pembelaan bahawa Plaintiff adalah seorang yang panas baran dan ekoran itu, terdapat 7 kes Defendan menyatakan bahawa tindakan nusyuz yang didakwa oleh Plaintiff dilakukan berikutan tindakan Plaintiff yang memukul Defendan lebih daripada patut. Defendan dalam Kes Mal : 14002-058-0516-2008⁹² menyatakan bahawa dia terpaksa keluar daripada rumah akibat tindakan Plaintiff menghalaunya. Defendan juga berasa takut untuk pulang ke rumah disebabkan Defendan hilang kepercayaan kepada Plaintiff kerana pernah dipukul oleh Plaintiff. Demikian juga dengan Kes Mal : 14002-058-0199-2009⁹³, Defendan menyatakan bahawa tindakan keluar dari rumah disebabkan Defendan tertekan dan trauma kerana Plaintiff pernah memukulnya⁹⁴.

Sementara tu, 8orang Defendan pula memberikan punca tindakan yang dikatakan nusyuz oleh Plaintiff tersebut adalah disebabkan Plaintiff tidak menyediakan nafkah kepada Defendan. 5 orang Defendan pula menyatakan kegagalan Plaintiff menyediakan rumah yang sesuai selepas mereka berkahwin. Dalam Kes Mal : Kes Mal : 14002-058-0033-2009⁹⁵ Plaintiff tidak pernah memberi nafkah walau sepuluh sen (RM 0.10) sewaktu rujuk kali pertama dan Plaintiff juga mengabaikan segala hal yang melibatkan Defendan dari segi makan, minum, kesihatan dan tempat tinggal. Plaintiff

⁹² Mohd. Sofian b. Baharin lwn. Rahayu bt. Ramli.

⁹³ Mohamad Puzi b. Md. Annual lwn. Norhasmiza bt. Mohd Pahani.

⁹⁴ Rujuk juga Kes Mal : 14003-058-0584-2009 : Muhammad Ismail b. Mustafa Kamal lwn. Noor Hidayu bt. Ahmad Termizi; dan Kes Mal : 14002-058-0033-2009 : Mohamad Shahrul b. Mustafa lwn. Norazila bt. Abdul Manap.

⁹⁵ *Ibid.*, Mohamad Shahrul b. Mustafa lwn. Norazila bt. Abdul Manap.

juga masih berhutang wang hantaran dengan keluarga Defendan sebanyak RM 2,800.00 dan masih enggan melunaskan hutang tersebut.

Dalam Kes Mal : 14001-058-0104-2008⁹⁶ pula, Defendan menyatakan bahawa Plaintiff tinggal bersama Defendan di rumah ibu Defendan sejak mereka belum berkahwin lagi. Kereta yang dipandu oleh Plaintiff juga dibayar oleh ibu bapa Defendan di samping Defendan terpaksa membeli hantaran dengan menggunakan wang Defendan. Selain itu, dalam Kes Mal : 14001-058-0345-2008⁹⁷ melalui Penyata Pembelaan pula, Defendan menyatakan rumah kediaman yang disediakan oleh Plaintiff turut didiami bersama lima orang lelaki bujang yang bukan muhrim kepada Defendan yang juga merupakan sahabat Plaintiff. Cadangan Defendan untuk mereka berpindah ditolak oleh Plaintiff kerana Plaintiff adalah seorang yang kedekut.

Sementara itu, dakwaan bahawa isteri berlaku curang dengan lelaki lain telah dijawab oleh 5 orang Defendan dalam Penyata Pembelaan masing-masing. Antaranya ialah Kes Mal : 14003-058-0030-2006⁹⁸, iaitu Defendan mengambil gambar berpelukan dengan lelaki bukan muhrim atas tujuan untuk kenangan dan tidak mempunyai niat untuk memlakukan perkara-perkara yang tidak baik. Defendan juga mengakui dakwaan Plaintiff mengenai penemuan cerita-cerita lucah dan seks yang ditulis oleh Defendan kepada bekas teman lelaki Defendan, namun beranggapan bahawa cerita-cerita tersebut adalah gurauan dan rekaan D sahaja.

Alasan Defendan bertindak seperti yang didakwa Plaintiff sebagai *nusyūz* adalah disebabkan Plaintiff mengambil tindakan memujuk dan menasihati Defendan adalah terkandung dalam empat Penyata Pembelaan Defendan. Antaranya ialah Kes Mal : 14003-058-0030-2006⁹⁹, iaitu Defendan menafikan Plaintiff memberikan nasihat sebaliknya mendakwa Plaintiff hanya memberikan kata sindiran kepada Defendan.

⁹⁶ Md. Aszerul Nizam b. Abdullah lwn. Intan Shahira Mohd. Shahru.

⁹⁷ Johan Ariff b. Ghazali lwn. Siti Noor Farhana bt. Zaipul Bahari.

⁹⁸ Mohd. Nizam b. Abdul Malik lwn. Fauziah bt. Mohd. Isa.

⁹⁹ *Ibid.*,

Penyata Pembelaan dalam Kes Mal : 14004-058-0438-2007 pula menunjukkan Defendan menyatakan bahawa dia tidak menerima apa-apa teguran daripada Plaintiff.

Selain itu, Defendan juga ada menyatakan di dalam Penyata Pembelaan bahawa tindakan nusyuz yang didakwa oleh Plaintiff dilakukan kerana Defendan sudah tidak boleh meneruskan kehidupan bersama Plaintiff. Alasan ini dinyatakan oleh 6 orang Defendan. Antaranya, Defendan mengakui bahawa Defendan sudah tiada perasaan kasih dan sayang terhadap Plaintiff¹⁰⁰, Defendan tidak sanggup lagi hidup bersama Defendan¹⁰¹ dan Defendan terus hilang perasaan terhadap Plaintiff dan tidak bersemangat lagi untuk hidup bersama Plaintiff¹⁰².

Selain itu, hanya tiga kes sahaja yang melibatkan tindakan Defendan yang didakwa nusyuz oleh suami akibat dari tindakan Defendan keluar bekerja bagi menampung keperluan. Dalam Kes Mal : 14002-058-0033-2009¹⁰³, Defendan menyatakan bahawa Defendan keluar rumah bagi mencari rezeki kerana hanya Defendan yang menguruskan hal kewangan keluarga dan membeli keperluan anak dan keluarga. Penyata Pembelaan yang lain turut menyatakan bahawa Defendan terpaksa keluar rumah untuk bekerja kerana Plaintiff tidak bekerja¹⁰⁴.

Di samping itu, dalam 10 kes pula dinyatakan di dalam Penyata Pembelaan bahawa Defendan sudah mengambil tindakan sewajarnya atas tindakan yang dikatakan sebagai nusyuz. Antaranya, ada Plaintiff mendakwa bahawa Defendan pulang ke rumah ibu bapanya tanpa izin Plaintiff namun, dakwaan tersebut diakui oleh Defendan dengan alasan bahawa telah meminta izin daripada Plaintiff dan tiada halangan di pihak

¹⁰⁰ Kes Mal : 14005-058-0415-2008 : Kordy b. Salleh lwn Rosmah bt. Nordin.

¹⁰¹ Kes Mal : 14001-058-0104-2008 : Md. Aszerul Nizam b. Abdullah lwn. Intan Shahira Mohd. Shahru.

¹⁰² Kes Mal : 14002-058-0199-2009 : Mohamad Puzi b. Md. Annual lwn. Norhasmiza bt. Mohd Pahani.

¹⁰³ Kes Mal : 14002-058-0033-2009 : Mohamad Shahrul b. Mustafa lwn. Norazila bt. Abdul Manap

¹⁰⁴ Kes Mal : 14005-058-0415-2008 : Kordy b. Salleh lwn Rosmah bt. Nordin.

Plaintif¹⁰⁵. Alasan lain ialah, tindakan Defendan keluar rumah juga telah dimaklumkan kepada anak-anak dan orang gaji¹⁰⁶.

Alasan lain yang dinyatakan oleh Defendan atas punca perlakuan *nusyūz*nya ialah Plaintif lazim menuduh Defendan sebagai isteri jalang dan memburuk-burukkan Defendan¹⁰⁷, Plaintif hanya memerlukan Defendan untuk kepuasan seks sahaja¹⁰⁸, Plaintif merahsiakan perkahwinan mereka sehingga menzalimi Defendan,¹⁰⁹ Plaintif tidak pernah membimb.g Plaintif¹¹⁰, dan Defendan sudah memfailkan tuntutan fasakh atau perceraian di Mahkamah¹¹¹.

Jadual 4.27: Tuntutan Balas Defendan

Perkara	Bilangan Kes	Peratus (%)
Mengulangi Pembelaan / Tuntutan Plaintif ditolak	5	11.1
Mengulangi Pembelaan dan mohon cerai	3	6.7
Tiada Tuntutan Balas	6	13.3
Tiada Pembelaan	31	68.9
	45	100

Sumber : Fail Kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* dari 2004 hingga 2009

Selain Penyata Pembelaan, Defendan juga boleh memasukkan Tuntutan Balas terhadap Plaintif dan daripada 14 kes yang memfailkan Pembelaan, 8 kes sahaja Defendan menyatakan Tuntutan Balas. Isu Tuntutan Balas yang dikemukakan pula terbahagi kepada 2 perkara, iaitu 5 kes Defendan mengulangi Pembelaan dan/atau

¹⁰⁵ Kes Mal : 14003-058-0030-2006 : Mohd. Nizam b. Abdul Malik lwn. Fauziah bt. Mohd. Isa.

¹⁰⁶ Kes Mal : 14004-058-0438-2007 : Mohamed Napi b. mohd Zin lwn. Aznah b. Sidek. Rujuk juga Kes Mal : 14001-058-0426-2007 : Tengku Zulkiflee b. Tengku Mamat lwn. Juhaida Amalienna bt. Mohd. Soberi.

¹⁰⁷ Kes Mal : 14005-058-0097-2006 : Sharazi b. Ismail lwn. Raihan bt. Tahir.

¹⁰⁸ Kes Mal : 14001-058-0426-2007 : Tengku Zulkiflee b. Tengku Mamat lwn. Juhaida Amalienna bt. Mohd. Soberi; Kes Mal : 14001-058-0345-2008 : Johan Ariff b. Ghazali lwn. Siti Noor Farhana bt. Zaipul Bahari; dan Kes Mal : 14001-058-0104-2008 : Md. Aszerul Nizam b. Abdullah lwn. Intan Shahira Mohd. Shahru.

¹⁰⁹ Kes Mal : 14005-058-0097-2006 : Sharazi b. Ismail lwn. Raihan bt. Tahir.

¹¹⁰ Kes Mal : 14002-058-0033-2009 : Mohamad Shahrul b. Mustafa lwn. Norazila bt. Abdul Manap; dan Kes Mal : 14001-058-0426-2007 : Tengku Zulkiflee b. Tengku Mamat lwn. Juhaida Amalienna bt. Mohd. Soberi.

¹¹¹ Kes Mal : 14001-058-0104-2008 : Md. Aszerul Nizam b. Abdullah lwn. Intan Shahira Mohd. Shahru; dan Kes Mal : 14005-058-0415-2008 : Kordy b. Salleh lwn Rosmah bt. Nordin.

memohon agar Tuntutan Plaintiff ditolak. Baki 3 kes pula mengulangi Pembelaan dan memohon untuk perceraian¹¹².

Jadual 4.28 : Dokumen sokongan : Laporan Polis

Dokumen sokongan	Bilangan Kes	Peratus (%)
Ya	3	6.7
Tiada	42	93.3
	45	100

Sumber : Fail Kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* dari 2004 hingga 2009

Sementara itu, hanya 3 kes¹¹³ sahaja Defendan melampirkan dokumen sokongan dalam Pembelaan dan Tuntutan Balas, iatu laporan polis yang dibuat oleh Defendan atas tindakan Plaintiff lazim memukul Defendan.

Jadual 4.29 : Lain-lain Pliding

Pliding	Bilangan Kes	Peratus (%)
Jawapan Kepada Pembelaan	5	11.1
Hujahan Plaintiff	2	4.4
Permohonan Interlokutori (Bantahan Awal)	3	

Sumber : Fail Kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* dari 2004 hingga 2009

Setelah Defendan memfailkan Penyata Pembelaan dan Tuntutan Balas, Plaintiff pula perlu memfailkan Jawapan kepada Pembelaan dan Pembelaan Kepada Tuntutan Balas. Hanya 5 kes¹¹⁴ sahaja yang menunjukkan Plaintiff memfailkan salah satu atau

¹¹² Dalam Kes Mal : 14001-058-0104-2008 : Md. Aszerul Nizam b. Abdullah lwn. Intan Shahira Mohd. Shahru, Defendan juga mohon agar Plaintiff disabitkan sebagai *nusyūz* atas kegagalan melaksanakan tanggungjawab sebagai suami.

¹¹³ Kes Mal : 14001-058-0426-2007 : Tengku Zulkiflee b. Tengku Mamat lwn. Juhaida Amalienna bt. Mohd. Soberi; Kes Mal : 14002-058-0199-2009 :Mohamad Puzi b. Md. Annual lwn. Norhasmiza bt. Mohd Pahani; dan Kes Mal : 14003-058-0584-2009 : Muhammad Ismail b. Mustafa Kamal lwn. Noor Hidayu bt. Ahmad Termizi.

¹¹⁴; Kes Mal : 14003-058-0030-2006 : Mohd. Nizam b. Abdul Malik lwn. Fauziah bt. Mohd. Isa ; Kes Mal : 14001-058-0299-2008 : Faizal b. Ayob lwn. Nur Adibah bt. Abdul Wahab; Kes Mal : 14001-058-0104-2008 : Md. Aszerul Nizam b. Abdullah lwn. Intan Shahira Mohd. Shahru; Kes Mal : 14002-058-1211-2008 : Hamdan b. Puteh lwn. Hamiah bt. Maran; dan Kes Mal : 14004-058-0438-2007 : Mohamed Napi b. Mohd Zin lwn. Aznah b. Sidek.

kedua-dua pliding tersebut. Sementara itu, prodising yang melalui sehingga ke peringkat Hujahan pula hanya 2 kes¹¹⁵ daripada 45 kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz*.

Jadual 4.30 : Isu-isu dalam Bantahan Awal

Isu	Bilangan Kes	%
Bidangkuasa	1	33.3
Peruntukan Undang-Undang	2	66.7
Lain-lain	2	66.7

Sumber : Fail Kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* dari 2004 hingga 2009

Defendan juga mempunyai hak untuk memfailkan Permohonan Interlokutori bagi Bantahan Awal dan dalam kajian yang dihasilkan ini, terdapat 3 kes¹¹⁶, iaitu Defendan telah memfailkan Bantahan Awal tersebut.

Sementara itu, berkenaan isu yang ditimbulkan dalam Permohonan Bantahan Awal adalah berkenaan bidangkuasa dan juga pemakaian undang-undang bagi kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* ini. Dalam isu bidangkuasa dikemukakan oleh dalam satu kes, iaitu Kes Mal : 14002-058-0891-2009¹¹⁷, iaitu Defendan/Pemohon memohon agar tuntutan pensabitan isteri *nusyūz* dalam tersebut ditolak kerana Plaintiff/Responden tinggal dan bermastautin di Ampang, Selangor dan di luar bidangkuasa MRSWP Kuala Lumpur dalam mendengar dan memutuskan kes ini.

Sementara itu, Bantahan Awal dalam isu pemakaian undang-undang pula dalam dua kes. Kes pertama ialah, Kes Mal : 14002-058-0118-2004¹¹⁸ dengan Defendan menghujahkan bahawa peruntukan yang digunapakai oleh Plaintiff dalam tuntutannya, iaitu Seksyen 59 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan)

¹¹⁵ Kes Mal : 14005-058-0097-2006 : Sharazi b. Ismail lwn. Raihan bt. Tahir; dan Kes Mal : 14002-058-0454-2008 : Shukri b. Dandan Setia lwn. Norizan bt. Ismail.

¹¹⁶ Kes Mal : 14005-058-0336-2007 : Ramlee b. Ismail lwn. Masuah bt. Abd Rashid; Kes Mal : 14002-058-0118-2004 : Don Yazid b. Mohamed Noor lwn. Marlina bt. Ahmad; dan Kes Mal : 14002-058-0891-2009 : Abdul Sani b. Ahmad lwn. Jazimah bt. Mohd. Noor.

¹¹⁷ Kes Mal : 14002-058-0891-2009 : Abdul Sani b. Ahmad lwn. Jazimah bt. Mohd. Noor.

¹¹⁸ Don Yazid b. Mohamed Noor lwn. Marlina bt. Ahmad.

1984 sama sekali tidak bertepatan dengan kehendak Seksyen tersebut. Peruntukan Seksyen 59 menyentuh berkenaan nafkah bagi isteri dan efek *nusyūz* dan fakta dalam tuntutan Plaintiff sama sekali tidak mencerminkan kehendak-kehendak dalam peruntukan tersebut. Demikian juga Seksyen 129 AUKI 1984, Defendan/Responden menghujahkan bahawa kes ini hendaklah dibawa oleh Pendakwa Syarie, dan bukan suami sendiri.

Kes kedua pula adalah dalam Kes Mal : 14005-058-0338-2007¹¹⁹, iaitu permohonan *nusyūz* tidak boleh berdiri sendiri kerana peruntukan yang jelas tidak dirujuk oleh Plaintiff. Hujahan Defendan/Pemohon dalam Bantahan Awalnya lagi bahawa permohonan *nusyūz* tidak boleh berdiri sendiri dalam kes Mal kerana peruntukan yang digunakan adalah dalam perkara nafkah isteri. Terdapat juga isu lain yang ditimbulkan dalam dua kes yang melibatkan Permohonan Interlokutori Bantahan Awal, iaitu kes cerai telah diselesaikan dan Plaintiff tidak membangkitkan isu Defendan/Pemohon *nusyūz* dalam Tuntutan Balas kes perceraian¹²⁰. Isu lain pula adalah berkaitan Arahan Amalan No. 11 Tahun 2001, iaitu Defendan/Pemohon menghujahkan bahawa setiap kes *nusyūz* yang difailkan hendaklah mempunyai kes induk terlebih dahulu dan kes *nusyūz* tidak boleh difailkan secara berasingan dan berasingan¹²¹.

Jadual 4.31: Keterangan Awal

Keterangan	Bilangan Kes
Dokumen	1
Keterangan Lisan	1
Kesaksian	1

Sumber : Fail Kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* dari 2004 hingga 2009

Daripada 45 kes yang diakses, hanya satu kes sahaja yang melalui proses perbicaraan. Pembuktian yang dikemukakan kepada mahkamah dalam kes tersebut adalah dalam bentuk keterangan lisan, dokumen dan juga dengan mengemukakan saksi.

¹¹⁹ Ramlee b. Ismail lwn. Masuah bt. Abd Rashid.

¹²⁰ *Ibid.*,

¹²¹ Don Yazid b. Mohamed Noor lwn. Marlina bt. Ahmad.

Dalam Kes Mal : 14002-058-0454-2008¹²², Plaintiff telah memberikan keterangan secara lisan, namun Plaintiff tidak mengemukakan sebarang dokumen dan saksi bagi menyokong tuntutan. Sementara itu, di pihak Defendan pula, selain keterangan lisannya, Defendan juga mengemukakan laporan polis atas tindakan Plaintiff memukul dan mengacukan pistol kepada Defendan. Sebagai menyokong keterangannya, Defendan turut membawa seorang saksi.

Seterusnya ialah berkenaan keputusan Mahkamah dalam memberikan Perintah atau Penghakiman dalam kes ini.

Jadual 4.32 : Keputusan

Status	Bilangan Kes	Peratus (%)
Buang Kes	9	20.0
Permohonan Ditolak	4	8.9
Tarik Balik	32	71.1
	45	100

Sumber : Fail Kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* dari 2004 hingga 2009

Justeru, berdasarkan penelitian lanjut terhadap fail kes menunjukkan bahawa sembilan kes atau 20% kes adalah terdiri daripada Batal/Buang Kes, 4 kes permohonan ditolak dan baki 32 kes atau 71.1% kes adalah Tarik Balik kes.

Kes yang berstatus Batal/Buang Kes iaitu sebanyak sembilan kes dan antara sebab kes dibuang adalah ketidakhadiran Plaintiff dan/atau Defendan sebanyak tiga kes manakala enam kes lagi dibuang disebabkan pihak-pihak yang sama juga sedang dalam prosiding bagi kes perceraian seperti fasakh. Justeru, Mahkamah mengarahkan isu *nusyūz* dijadikan Tuntutan Balas dalam kes perceraian.

Status bagi empat kes adalah permohonan ditolak dan bagi dua kes, sebab permohonan ditolak adalah disebabkan kes perceraian telah selesai dan Plaintiff tidak bercadang untuk meneruskan isu *nusyūz* dalam kes tersebut. Sementara itu, satu kes

¹²² Shukri b. Dandan Setia lwn. Norizan bt. Ismail.

Tuntutan Sabitan *Nusyūz* juga ditolak kerana Mahkamah telah membenarkan Permohonan Interlokutori bagi Bantahan Awal Defendan dalam isu bidangkuasa Mahkamah dan satu kes lain yang dibicarakan juga ditolak oleh Mahkamah.

Majoriti kes, iaitu sebanyak 32 kes iaitu 71.1% kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* yang diakses berakhir dengan Plaintiff tarik balik kes. Punca penarikan balik kes oleh Plaintiff pula dapat dibahagikan kepada beberapa faktor, iaitu 22 kes atau 68.8% kes ditarik balik disebabkan pihak-pihak telah bercerai dan Plaintiff tidak lagi berhasrat untuk memanjangkan isu isteri *nusyūz* dalam tuntutan ini.

Sebab lain kes ditarik balik ialah berlaku pembubaran perkahwinan selain cerai mengikut Seksyen 47 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, iaitu dua kes¹²³ ditarik balik kerana pihak-pihak telah bercerai secara tebus talaq atau khulu'. Kedua-dua kes ini juga telah mempunyai pindaan terhadap Penyata Tuntutan dengan memasukkan terma berkaitan tebus talaq menurut Seksyen 49 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984.

Sementara itu, tiga kes lagi ditarik balik kerana telah diselesaikan melalui perceraian fasakh dan pengesahan lafaz talaq; dan satu kes pula ditarik balik kerana Plaintiff akan meneruskan isu *nusyūz* dalam Tuntutan Balas dalam kes fasakhnya. Di samping itu, baki empat kes lagi ditarik balik oleh Plaintiff bagi memudahkan Defendan dan Plaintiff untuk berb.cang mengenai kedudukan rumah tangga mereka.

Jadual 4.33 : Alasan Penghakiman

Alasan Penghakiman	Bilangan Kes	Peratus (%)
Ada	2	4.4
Tiada	43	95.6
	45	100

Sumber : Fail Kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* dari 2004 hingga 2009

¹²³ Kes Mal : 14001-058-0788-2005 : Mohd. Nizam b. Mahat@Saad lwn. Rabiyahtul Adawiyah bt. Mohamed; dan Kes Mal : 14001-058-0345-2008 : Johan Ariff b. Ghazali lwn. Siti Noor Farhana bt. Zaipul Bahri.

Setiap kes yang difailkan hendaklah diakhiri dengan Keputusan dan Perintah serta disediakan Alasan Penghakiman bagi kes tersebut. Bagi keseluruhan kes yang diakses telah dilengkapi dengan Perintah, namun hanya 2 kes sahaja disediakan Alasan Penghakiman¹²⁴.

4.5 Isu-isu Berbangkit Dalam Prosiding Pensabitan Isteri *Nusyūz* di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan

Analisis terhadap kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* yang difailkan di MRSWP Kuala Lumpur sepanjang tahun 2004 hingga 2009 telah menimbulkan beberapa perkara berbangkit.

4.5.1 Perbandingan pendaftaran kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* dan kes Tuntutan Isteri Taat di MRSWP Kuala Lumpur

Sepanjang tempoh enam tahun, iaitu dari tahun 2004 hingga 2009, hanya 58 kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* sahaja yang didaftarkan di Mahkamah Rendah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Jumlah ini juga menunjukkan perbezaan agak ketara berbanding kes Tuntutan Isteri Taat yang asas tindakannya adalah hampir sama, iaitu apabila isteri gagal mentaati suami.

Statistik Kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* berbanding kes Tuntutan Isteri Taat bagi tahun 2004 hingga 2009 di Mahkamah Rendah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur*

Tahun	Kes	
	Tuntutan Sabitan <i>Nusyūz</i>	Tuntutan Isteri Taat
2004	4	3
2005	1	11
2006	2	27
2007	6	34
2008	27	28
2009	18	28
JUMLAH	58	131

*Sumber : ESyariah pada 26 November, 2010.

¹²⁴ Kes Mal : 14002-058-0454-2008 : Shukri b. Dandan Setia lwn. Norizan bt. Ismail; dan Kes Mal : 14005-058-0336-2007 : Ramlee b. Ismail lwn. Masuah bt. Abd Rashid.

Sepanjang enam tahun kajian, iaitu dari tahun 2004 hingga 2009, sebanyak 58 kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* telah difailkan manakala kes Tuntutan Isteri Taat sebanyak 131 kes, iaitu nisbah 1:2. Pelbagai faktor yang boleh dikaitkan dengan situasi ini, antaranya suami masih mengharapkan isteri kembali ke pangkuan suami dan taat serta dapat kembali menjalani kehidupan berumah tangga. Suami mahu mengembalikan ketaatan isteri dengan cara yang baik dan agak berlembut serta bertoleransi. Permohonan *nusyūz* disifatkan sebagai agak tegas kerana sekiranya disabitkan oleh Mahkamah, hak isteri terhadap nafkah gugur di samping memberi kesan terhadap emosi isteri.

Selain itu, antara sebabnya juga ialah suami yang masih memberi peluang kepada isteri untuk kembali menjalankan tanggungjawabnya di sisi suami. Hal ini kerana, kesan atau impak jika isteri disabitkan *nusyūz* adalah gugur hak nafkah bagi diri isteri tersebut sepanjang tempoh *nusyūz*. Sementara itu, tiada implikasi gugur hak nafkah dalam kes Tuntutan Isteri Taat¹²⁵.

Antara sebab lain kes Tuntutan Isteri Taat lebih banyak difailkan berbanding kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* ialah maklumat atau pengetahuan suami bahawa bagi membolehkan suami mendapatkan perintah pensabitan isteri *nusyūz* adalah melalui tindakan mendapatkan perintah Mahkamah dalam kes Tuntutan Isteri Taat terlebih dahulu. Selanjutnya perintah Mahkamah tersebut akan digunakan dalam kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* sekiranya isteri tetap gagal kembali taat kepada suami.

Justeru, atas sebab-sebab tersebut, kebanyakan suami tidak memfailkan Tuntutan Sabitan *Nusyūz* dan hanya memfailkan Tuntutan Isteri Taat ke atas isteri yang gagal melaksanakan tanggungjawab sewajarnya sebagai isteri. Pemerhatian penulis semasa menjalankan observasi semasa sidang kes Tuntutan Isteri Taat juga mendapati bahawa suami yang memfailkan kes Tuntutan Isteri Taat masih sayang akan isteri dan

¹²⁵ Temu bual bersama Y.A.A. Datuk Hj. Mohamad b. Hj. Abdullah, Ketua Hakim Syarie, Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan pada 17hb. Februari, 2011.

rumah tangga yang dibina bersama. Kebanyakan suami sanggup memaafkan isteri asalkan isteri sedia kembali taat kepada mereka. Tindakan suami ini juga mengambilkira kebajikan dan kebaikan anak-anak serta masa depan mereka.

Ketiadaan kes *nusyūz* yang difailkan juga disebabkan oleh suami yang tidak berminat untuk memanjangkan kes *nusyūz* ke Mahkamah di samping beban pembuktian yang agak berat perlu ditanggung. Pembuktian ini agak sukar untuk dikemukakan dan sekiranya kes *nusyūz* ini diteruskan, kerugian dari segi masa dan kewangan akan ditanggung oleh pihak-pihak.

4.5.2 Penyelesaian bagi kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* di MRSWP Kuala Lumpur

Sepanjang tahun 2004 hingga 2009, sebanyak 58 kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* telah didaftarkan di MRSWP Kuala Lumpur dan 48 kes telah selesai prosiding manakala kes yang dapat diakses adalah sebanyak 45 kes. Penyelesaian bagi kes-kes ini ialah tiada kes diluluskan, empat kes telah ditolak, 31 kes telah ditarik balik dan 13 kes adalah batal/buang kes.

Statistik Kes Tuntutan Sabitan *Nusyuz* di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dari Tahun 2004 hingga 2009*

TAHUN	DAFTAR KES	STATUS KES				
		LULUS	TOLAK	TARIK BALIK	BUANG KES	DALAM PROSIDING
2004	4	0	0	1	3	0
2005	1	0	0	1	0	0
2006	2	0	1	1	0	0
2007	6	0	2	2	1	1
2008	27	0	1	18	7	1
2009	18	0	0	8	2	8
JUMLAH	58	0	4	31	13	10

* Sumber : Portal E-Syariah MSWP (sehingga 10 Mac, 2010)

Daripada jumlah tersebut juga, hanya empat kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* yang dibicarakan di Mahkamah Rendah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan keempat-empat kes ini telah diputuskan oleh Mahkamah bahawa kes ditolak. Empat kes ini adalah melibatkan tiga kes Permohonan Interlokutori Bantahan Awal manakala hanya satu kes sahaja perbicaraan kes induk Tuntutan Sabitan *Nusyūz*.

31 kes atau 64.58% kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* yang selesai adalah ditarik balik oleh Plaintiff atau suami. Antara sebabnya ialah Plaintiff atau suami enggan untuk memanjangkan kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* kerana melibatkan beban pembuktian yang agak berat, tarik balik sebagai syarat untuk Defendan atau isteri berb.cang bagi penyelesaian masalah. Namun, antara faktor kebanyak kes ditarik balik adalah kerana pihak-pihak sudah bercerai sama ada melalui persetujuan bersama, fasakh, tebus talaq atau ta'liq. Sementara itu ketidakhadiran Plaintiff atau kedua-duanya pula merupakan faktor kes dibuang.

4.5.3 Pengetahuan Suami Mengenai Tatacara / Prosedur Pensabitan Isteri *Nusyūz*

Bagi prosiding pensabitan isteri *nusyūz* di MSWP Kuala Lumpur, kebanyakan suami tidak tahu atau tidak faham¹²⁶ bahawa perlu adanya perintah yang sah dari suami kepada isteri. Perintah yang dimaksudkan ialah suatu perintah daripada suami untuk mengarahkan agar isterinya kembali taat atau kembali ke rumah suami ini kuasa ini adalah kuasa suami. Namun, kuasa bagi mensabitkan isteri sebagai *nusyūz* adalah kuasa mahkamah syariah dan bukannya kuasa suami. Kebanyakan suami juga tidak tahu bahawa hanya mahkamah yang mempunyai kuasa untuk mensabitkan isteri sebagai *nusyūz*. Suami yang bertindak mensabitkan isterinya sebagai *nusyūz* tidak memberikan

¹²⁶ Temubual bersama Tuan Mamat Haizan b. Salleh, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 12 Jun, 2009 jam 10.30 pagi. (Tuan Mamat Haizan kini berkhidmat sebagai Ketua Pendaftar di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan).

apa-apa kesan kepada isteri termasuklah dalam perkara nafkah kerana kuasa bagi mengisytiharkan isteri tersebut *nusyūz* atau tidak dengan tindakannya adalah mahkamah.

Sementara itu, tanggungjawab suami adalah dengan membuat suatu perintah yang sah melalui salah satu daripada cara, iaitu sama ada dalam bentuk notis/surat, iaitu perintah secara bertulis, melalui Unit Rundingcara JAWI, mendapatkan perintah isteri taat di mahkamah syariah ataupun melalui perintah secara lisan dengan dapat dibuktikan. Dalam masa yang sama juga, juga perlu menjalankan tanggungjawabnya dengan sempurna kepada isteri dengan menyediakan keperluan isteri.

Kesan kepada perkara ini, iaitu suami yang tidak mempunyai pengetahuan dan kefahaman tentang tatacara ini ialah suami tersebut akan teraniaya. Contohnya, isteri telah keluar dari rumah dan suami tidak tahu hak dan tindakan yang sepatutnya dilakukan olehnya jika isteri keluar rumah. Suami juga tidak mengambil tindakan dengan membuat perintah atau arahan kepada isteri atau memujuk isteri dan pada masa yang sama suami juga tidak menyediakan nafkah kepada isteri tersebut dengan beranggapan bahawa isteri telah berlaku *nusyūz*.

Selanjutnya, isteri membuat permohonan untuk perceraian secara fasakh dan dapat membuktikan bahawa suami tidak menyediakan nafkah dalam tempoh tertentu serta mahkamah mensabitkan perceraian secara fasakh. Sekiranya suami ada membuat tuntutan balas bahawa isterinya telah *nusyūz* kerana telah keluar dari rumah tanpa izin suami, namun suami yang tidak tahu ini tentu tidak dapat membuktikan kepada mahkamah bahawa telah ada suatu perintah yang sah. Mahkamah juga akan beranggapan bahawa dengan suami tidak membuat apa-apa tindakan dan bermakna bahawa suami redha dengan tindakan isteri keluar dari rumah.

Oleh demikian, kejahilan suami tentang prosedur atau tatacara menyebabkan banyak isteri selalu keluar rumah dan menuntut fasakh dan mahkamah mensabitkan.

Namun, suami akan lebih teraniaya sekiranya isteri menuntut tunggakan nafkah, iaitu hak nafkah isteri sepanjang suami tidak menyediakan walaupun dalam tempoh isteri telah keluar rumah.

Namun dari satu sudut, pengamalan atau prosedur yang digunakan adalah menghalang daripada penganiayaan kepada isteri. Oleh demikian, suatu prosedur yang agak ketat dan rumit perlu dilalui oleh suami sebelum membolehkannya memfailkan Tuntutan Sabitan *Nusyūz*. Undang-undang tidak sewenang-wenangnya memberi hak atau kuasa kepada suami untuk membolehkan suami untuk memfailkan tuntutan di mahkamah bagi mensabitkan isteri sebagai *nusyūz*, tetapi kuasa suami bagi memerintahkan atau mengarahkan isterinya kembali ke rumah dan taat kepadanya sebagai suami tetap menjadi haknya. Namun, perintah suami tersebut hanya wajar diikuti oleh isteri sekiranya suatu perintah yang sah, iaitu tidak menimbulkan kemudaratan kepada isteri.

4.5.4 Ketiadaan Peruntukan Khusus Tentang *Nusyūz*

Ketiadaan peruntukan undang-undang dalam perkara *nusyūz* ini dapat dibahagikan kepada pentafsiran dan juga peruntukan khusus.

Pertama adalah istilah *nusyūz* yang tidak ditafsirkan oleh undang-undang tidak menimbulkan masalah yang besar dari aspek prosiding di mahkamah. Hal ini kerana walaupun tidak ditafsirkan secara khusus berkenaan istilah *nusyūz* dalam Seksyen 2 AUKI 1984, pentafsirannya masih boleh dibuat dengan merujuk kamus-kamus yang diiktiraf contohnya Lisan al-Arab dan juga pentafsiran dari sudut hukum syarak. Tambahan pula, Seksyen 59(2) AUKI 1984 ada meggariskan tiga tindakan yang membolehkan isteri digugurkan hak nafkahnya kerana *nusyūz*. Namun begitu, bagi tindakan-tindakan isteri yang tidak disenaraikan dalam subseksyen (a), (b) dan (c) dalam Seksyen 59(2) AUKI 1984 tersebut, perlu dirujuk kepada hukum syarak.

Kedua ialah peruntukan khusus berkenaan *nusyūz* dan pensabitannya di mahkamah syariah. Oleh kerana tiada peruntukan khusus dalam AUKI 1984 berkenaan isu *nusyūz* ini menyebabkan isu ini hanya difahami secara tidak langsung ataupun secara tersirat daripada Seksyen 59(2) AUKI 1984 yang merupakan peruntukan berkenaan nafkah. Ketiadaan peruntukan khusus ini akan membuka kepada tafsiran yang pelbagai dan tiada suatu garis panduan yang khusus berkenaan dengannya. Arahan Amalan Mahkamah Syariah No. 11 Tahun 2001 yang dikeluarkan hanyalah panduan secara umum sahaja dan juga boleh menimbulkan pelbagai kefahaman dan tindakan. Oleh demikian, sewajarnya suatu prosedur bagi *nusyūz* dan pensabitannya dapat dikanunkan¹²⁷ dan dijadikan undang-undang bertulis untuk digunapakai dalam perkara ini.

4.5.5 Persoalan Taubat Isteri Yang *Nusyūz*

Seksyen 59(3) AUKI 1984 memperuntukkan bahawa :-

Selepas sahaja isteri itu bertaubat dan menurut kemahuan dan perintah sah suaminya, maka isteri itu tidaklah lagi menjadi nusyuz.

Oleh itu, berdasarkan peruntukan tersebut, seseorang isteri yang disabitkan sebagai *nusyūz* dan gugur haknya terhadap nafkah akan tidak lagi menjadi *nusyūz* setelah bertaubat dan menurut kemahuan dan perintah sah suaminya. Namun, perkara yang menjadi isu ialah apabila isteri tersebut telah bertaubat, iaitu sudah kembali kepada suami dan menjalankan tanggungjawabnya, atas kuasa siapa yang akan menentukan atau mengiktiraf taubat isteri tersebut.

Seksyen 59(3) AUKI 1984 ini menyatakan bahawa sekiranya seseorang isteri telah bertaubat dan kembali taat kepada suami serta menurut perintah suaminya, maka

¹²⁷ Temubual bersama Y.A. Hj. Abdul Walid b. Hj. Abu Hassan, Hakim Kanan Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan pada 18hb. Januari, 2011.

isteri tersebut tidak lagi dikatakan sebagai *nusyūz*.¹²⁸ Kesan taubat isteri ini juga ialah, hak nafkah bagi isteri yang sebelum ini telah disabitkan sebagai *nusyūz* dikembalikan dan wajib kepada suami untuk memberikan nafkah kepada isteri setelah isteri taubat dari tindakan *nusyūz*nya dan kembali kepada suami. Gugur hak nafkah isteri hanya sepanjang tindakan *nusyūz* dan bukanlah selama-lamanya.

Namun, persoalan yang wajar ditimbulkan ialah bagaimana untuk mengesahkan taubat isteri yang telah disabitkan oleh *nusyūz* ini, iaitu sama ada dalam budi bicara mahkamah, suami atau isteri itu sendiri yang kembali kepada suaminya. Perkara ini penting kerana berkaitan dengan tempoh berlakunya *nusyūz*, dan penentuan tempoh perlakuan isteri *nusyūz* ini akan timbul dalam perkara yang berhubungan nafkah, khususnya bagi tuntutan nafkah tertunggak.

Pertikaian akan timbul mengenai kuasa ini ialah sama ada isteri sendiri, suami ataupun ke perlu ke mahkamah untuk mendapatkan pengesahan atau pengiktirafan bahawa isteri telah bertaubat dan tidak lagi *nusyūz*. Perkara ini penting kerana isteri *nusyūz* yang telah bertaubat perlu dikembalikan hak nafkahnya.

4.5.6 *Nusyūz* sebagai Pembelaan dan/atau Tuntutan Balas

Isu *nusyūz* yang dibicarakan bukan hanya melibatkan kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* sahaja, namun lazimnya juga isu isteri *nusyūz* ini dibangkitkan oleh suami sebagai Pembelaan dan/atau Tuntutan Balas dalam kes-kes lain yang sedang dibicarakan di mahkamah.

Contohnya, isteri telah memfailkan suatu permohonan bagi mendapatkan nafkah, maka persoalan isteri telah *nusyūz* ditimbulkan oleh suami sebagai suatu pembelaan bahawa kegagalan pemberian nafkah kepada isteri disebabkan oleh perlakuan *nusyūz* isteri. Selain kes nafkah, lazimnya isu *nusyūz* dijadikan sebagai

¹²⁸ Seksyen 59(3) AUKI 1984.

Pembelaan dan/atau Tuntutan Balas dalam kes perceraian seperti fasakh dan ta'liq di samping kes tuntutan-tuntutan lain seperti mut'ah dan harta sepencarian.¹²⁹

Isu *nusyūz* yang dijadikan Pembelaan dan/atau Tuntutan Balas dalam kes yang sedang dibicarakan juga merupakan antara faktor kekurangan kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* difailkan dan melalui prosiding perbicaraan. Amalan Hakim di MRSWP Kuala Lumpur ialah apabila suatu kes difailkan oleh isteri, contohnya fasakh dan kemudiannya kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* difailkan oleh suami, Hakim akan mengarahkan agar kedua-dua kes ini disekalikan dan didengar dalam satu prosiding yang sama.¹³⁰ Relevannya ialah fakta-fakta yang dibangkitkan adalah saling berkaitan dan juga melibatkan pihak-pihak yang sama serta berkemungkinan melibatkan bukti yang sama.

Di samping itu juga, amalan tersebut juga adalah menjurus kepada kehendak Arahan Amalan No. 11 Tahun 2001 berkenaan Kes *Nusyūz*, iaitu menyatakan bahawa :-

“...kes nusyūz hendaklah didengar dalam kes induk dan tidak perlu dibuat berasingan. Selain itu, mana-mana kes nusyūz yang telah diputuskan sebelum daripada permohonan cerai, tidak boleh dibuka semula dalam kes permohonan cerai tersebut.”

Pentafsiran kehendak Arahan Amalan No. 11 Tahun 2011 ini juga pada dasarnya memberikan dua pemahaman, iaitu :-

Pertama; proses pensabitan isteri *nusyūz* hanya boleh ditimbulkan dalam suatu perbicaraan tuntutan yang dikemukakan oleh isteri. Oleh itu, suami tidak perlu memfailkan apa-apa permohonan bagi tujuan pensabitan isteri *nusyūz*. Dengan ini juga bermaksud bahawa isu *nusyūz* ditimbulkan oleh suami dalam suatu kes induk yang telah dimulakan tindakan oleh isteri dan hanya sebagai Pembelaan dan/atau Tuntutan Balas

¹²⁹ Contoh kes yang dilaporkan boleh dilihat dalam Bab 3.6 kajian ini.

¹³⁰ Temubual bersama Tuan Azman b. Ismail, Penyelidik Kanan, Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia pada 17hb. Februari, 2011.

sahaja. Pendapat ini memberikan pentafsiran yang lebih sempit¹³¹ dan dalam keadaan lain boleh menafikan hak suami dalam memulakan tindakan pensabitan isteri *nusyūz* kerana perlu adanya permohonan induk, barulah suami dapat membangkitkan isu isteri *nusyūz*.

Kedua; suami boleh memfailkan permohonan pensabitan isteri *nusyūz* tanpa perlu isteri memulakan tindakan memfailkan apa-apa tindakan di mahkamah. Asasnya ialah berdasarkan kehendak “*tertakluk kepada Hukum Syara’ dan pengesahan mahkamah*” Seksyen 59 (2) Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 yang secara nyata memberikan kuasa tindakan kepada suami untuk memulakan tindakan bagi mensabitkan isteri sebagai *nusyūz* melalui bidangkuasa mahkamah. Pentafsiran kedua ini lebih terbuka dan lebih praktikal.

Namun demikian, tidak dapat dinafikan bahawa dengan mencantumkan pendengaran bagi kes yang difailkan oleh isteri dengan kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* yang difailkan oleh suami akan lebih memudahkan Hakim dalam menilai sesuatu fakta dan dakwaan. Masa pihak-pihak dan mahkamah juga dapat dijitamkan. Isu sama ada isteri atau suami yang memfailkan terlebih dahulu tidak timbul kerana kedua-dua tuntutan tersebut boleh didengar serentak.

Namun begitu, sewajarnya isu *nusyūz* sama ada hanya dijadikan sebagai Pembelaan dan/atau Tuntutan Balas atau difailkan melalui kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* hendaklah didengar terlebih dahulu berbanding isu tuntutan fasakh atau nafkah.¹³² Hal ini kerana, dengan wujudnya isu *nusyūz*, maka akan berbangkit isu hak mendapat nafkah atau tidak dan selanjutnya menjadi alasan bagi perceraian secara fasakh.

¹³¹ Zainol Rashid b. Hassin. (2004). “*Prosedur, Pelaksanaan dan Isu-Isu di Mahkamah Syariah*” dalam Seminar Mahkamah Syariah & Isu-Isu Semasa : Isteri Nusyuz, Suami Nusyuz di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur pada 9hb. Oktober, 2004, hlmn. 8.

¹³² Temu bual bersama Y.A.A. Datuk Hj. Mohamad b. Hj. Abdullah, Ketua Hakim Syarie, Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan pada 17hb. Februari, 2011.

Dalam isu ini juga, penulis telah merujuk kepada satu kes tuntutan fasakh yang dirayu ke mahkamah tinggi syariah¹³³. Dalam kes fasakh di mahkamah rendah syariah, Perayu telah mengemukakan Tuntutan Balas berkenaan pensabitan Responden sebagai *nusyūz* dan memerintahkan Responden kembali taat kepada Perayu. Antara alasan rayuan Perayu ialah :-

- (i) Hakim Bicara hanya memfokuskan kepada tuntutan Responden untuk bercerai secara fasakh tanpa memberi pertimbangan yang sewajarnya terhadap tuntutan balas Perayu untuk mengisytiharkan Responden telah *nusyūz*;
- (ii) Hakim Bicara mengabaikan pengakuan (ikrar) Responden yang mengakui menafikan nafkah batin kepada Perayu sejak 2004. Responden juga mengakui bahawa bukti-bukti yang dikemukakan oleh Perayu seperti foto-foto Responden dengan lelaki-lelaki lain adalah benar. Responden turut mengakui beliau telah keluar rumah pada waktu siang atau malam, melancong dan bercuti tanpa izin Perayu serta enggan mentaati suami. Sewajarnya pengakuan Responden tersebut perlu dipertimbangkan oleh mahkamah untuk mensabitkan Responden dengan kesalahan *nusyūz*;
- (iii) Hakim Bicara menolak permohonan *nusyūz* kerana berpendapat bahawa Perayu telah gagal untuk menghalang Responden daripada terus bekerja dan pada masa yang sama mengabaikan fakta bahawa dalam banyak keadaan unsur-unsur *nusyūz* turut timbul daripada perbuatan Responden yang menafikan pemberian nafkah batin, pergaulan bebas Responden dengan lelaki-lelaki lain, menjalin hubungan dengan lelaki lain, enggan

¹³³ Kes Rayuan Mal : 14500-014-0007-2007 : Ahmadi @ Ahmad Zukni b. Johari lwn. Rosnah bt. Esahak.

berkomunikasi dengan Perayu dan enggan mentaati Perayu sebagai suami.

Sementara itu, Responden dalam Hujahannya menyatakan beberapa butiran bagi dakwaan *nusyūz* tersebut iaitu :-

- (i) Responden keluar bercuti dengan pengetahuan Perayu dan ketika itu, Perayu dan Responden telah sekian lama dalam syiqaq;
- (ii) Keengganan Responden menjalinkan hubungan kelamin disebabkan syiqaq dan kegagalan Perayu menjalankan tanggungjawabnya terhadap Responden. Perayu juga berpoligami dan mempunyai isteri lain bagi tujuan melayan kehendak nafsunya;
- (iii) Pengakuan Responden tidak mentaati Perayu adalah tindakan luar sedar Responden yang keliru dengan soalan-soalan peguam Perayu dan Perayu gagal membuktikan dakwaan Responden *nusyūz* dengan berdasarkan panduan syarak, iaitu cara-cara menangani isteri *nusyūz* menurut ayat 34 Surah Al-Nisa’.

Hakim Rayuan berpendapat bahawa isu utama bagi kes ini ialah, sama ada isu *nusyūz* adalah relevan sebagai suatu tuntutan balas dalam kes fasakh dan juga sama ada Perayu telah berjaya membuktikan bahawa Responden adalah seorang isteri yang *nusyūz* atau sebaliknya.

Mahkamah berpendapat bahawa Tuntutan Balas adalah suatu tuntutan yang tidak memberikan apa-apa faedah sama ada kepada Perayu dan Responden. Rumah tangga pihak-pihak telah lari dari tujuan perkahwinan dan tiada lagi perasaan kasih mesra dan saling menyayangi. Selain itu, sebelum membuat tuduhan *nusyūz* ke atas isteri, suami perlu menjalankan tanggungjawab serta amanah yang sempurna kepada isteri dan Perayu telah gagal mendidik Responden sebaiknya. Walaupun ada keterangan bahawa Perayu pernah mengajak Responden menghadiri ceramah agama, namun

tindakan ini tidak memadai bagi menyatakan bahawa Perayu telah menjalankan tanggungjawabnya ke atas Responden.

Seterusnya, Hakim Rayuan memutuskan bahawa :-

- (i) Bahawa peruntukan perkara *nusyūz* seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen 59(2) Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 adalah relevan sebagai Pembelaan atas tuntutan nafkah dan perkara yang berkaitan dengan nafkah;
- (ii) Bahawa Tuntutan Balas bagi mensabitkan dan mengisytiharkan Responden sebagai isteri *nusyūz* setelah Responden memfailkan tuntutan fasakh adalah tidak relevan dalam kes ini dan tidak memberikan apa-apa faedah sama ada kepada Perayu dan Responden;
- (iii) Bahawa rayuan Perayu ditolak dan keputusan Hakim yang menolak Tuntutan Balas Perayu berkaitan dengan pensabitan dan mengisytiharan *nusyūz* ke atas Responden di bawah Seksyen 59(2) Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 dikekalkan.

4.6 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kedudukan sebenar persoalan *nusyūz* khasnya dalam kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* dapat dikenalpasti melalui akses terhadap fail-fail kes tersebut. Bab ini diwujudkan bukan bertujuan untuk mengenalpasti fakta-fakta yang berkait rapat dengan persoalan *nusyūz* semata-mata malah mempunyai tujuan yang lebih daripada itu. Fakta-fakta yang dikenalpasti melalui akses fail kes dan dianalisis memberikan dapatan yang menyentuh perkara-perkara berbangkit dalam isu *nusyūz*.

Kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* dan Tuntutan Isteri Taat merupakan kes yang lazim difailkan oleh para suami dalam keadaan berhadapan dengan situasi isteri curang, keluar daripada rumah dan pelbagai lagi tindakan yang menjurus kepada *nusyūz*.

Namun, efek antara keduanya adalah berbeza dan jumlah pendaftaran kes antara kedua-dua kes ini adalah berbeza. Persoalan suami memberi peluang kepada isteri untuk kembali taat kepadanya juga merupakan salah satu sebab jumlah kes Tuntutan Isteri Taat lebih tinggi berbanding kes Tuntutan Isteri *Nusyūz*.

Selain itu, perkara berbangkit juga berkenaan penyelesaian kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz*, iaitu kebanyakan kes selesai disebabkan tarik balik kes dan buang kes. Perkara ini juga berkait dengan pengetahuan suami dalam mengendalikan kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* dari segala aspek termasuklah pembuktian dan prosedur.

Justeru, isu-isu yang berbangkit dari hasil analisis fail kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* yang dijalankan juga dapat memberi input berguna bagi tujuan penambahbaikan, khasnya dari aspek prosiding pensabitan isteri *nusyūz* dan penambahan maklumat kepada masyarakat khasnya.